Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai dasar dan inisiatif bagi menyokong pertumbuhan sektor pertanian, antaranya Dasar Agromakanan Negara 2.0 bagi tempoh 2021-2030 dan pelbagai program transformasi pertanian. Langkah-langkah ini bertujuan untuk meningkatkan daya saing sektor pertanian, memperkenalkan teknologi moden serta menggalakkan amalan pertanian lestari yang mampu menjamin kelangsungan sumber semula jadi.

Sektor pertanian memainkan peranan penting dalam ekonomi Malaysia dengan menyumbang kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), menyediakan peluang pekerjaan dan menggalakkan eksport produk pertanian. Kepentingan sektor ini bukan sahaja terletak pada pengeluaran makanan, tetapi juga dalam memastikan keterjaminan sumber makanan negara, keseimbangan sosial serta pembangunan luar bandar yang lebih inklusif. Oleh itu, pemantauan dan penilaian melalui Banci Pertanian adalah penting bagi memastikan sektor ini terus berkembang dan memberi manfaat kepada rakyat serta negara secara keseluruhan.

3.0 SOSIOEKONOMI NEGERI SARAWAK

Sarawak merupakan kawasan tropika beriklim khatulistiwa yang panas dan lembap sepanjang tahun. Hutan khatulistiwa ini menyumbang produk hutan yang banyak dan merupakan habitat bagi 8,000 spesis pokok bunga dan melebihi 20,000 spesis binatang. Batang Rajang di Sarawak merupakan sungai terpanjang di Malaysia di samping Taman Negara Mulu yang terkenal dengan sistem gua yang paling luas di dunia. Hutan hujan tropika yang tertua dan yang kedua terbesar selepas Amazon juga menjadikan Sarawak sebagai pusat biokepelbagaian.

Sektor pertanian merupakan salah satu tunjang utama dalam pembangunan ekonomi di Sarawak. Terletak di Borneo, Sarawak yang berkeluasan 124,171 km persegi kaya dengan sumber alam semula jadi yang subur dan sesuai untuk pelbagai jenis kegiatan pertanian. Negeri ini bukan sahaja memainkan peranan penting dalam pengeluaran makanan, malah turut menyumbang kepada peluang pekerjaan dan pembangunan luar bandar.

Anggaran penduduk Sarawak meningkat daripada 2.47 juta pada 2022 kepada 2.51 juta pada 2023 dengan kadar pertumbuhan penduduk tahunan 1.4 peratus. Komposisi penduduk warganegara pada tahun 2023 ialah 94.5 peratus daripada keseluruhan penduduk Sarawak. Tenaga buruh di Sarawak meningkat 4.6 peratus pada tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya (2022: 2.2%). Sejumlah 1,234.6 ribu orang tenaga buruh direkodkan pada tahun 2023 berbanding 1,180.8 ribu orang pada tahun 2022. Dalam tempoh yang sama, bilangan penduduk bekerja meningkat kepada 1,192.5 ribu orang pada tahun 2023 berbanding 1,136.0 ribu orang pada tahun 2022.

KDNK Sarawak berkembang 3.9 peratus (2023: 1.3%) dengan nilai ekonomi RM148.2 bilion. Sektor perkhidmatan berkembang 4.9 peratus diterajui oleh subsektor perdagangan borong & runcit, penginapan dan makanan & minuman serta utiliti, pengangkutan dan penyimpanan, maklumat dan komunikasi. Sektor pembuatan meningkat 1.3 peratus, dipengaruhi oleh produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka yang meningkat 4.3 peratus. Sektor perlombongan & pengkuarian juga meningkat 4.1 peratus. Sektor pembinaan berkembang 18.8 peratus yang disumbangkan oleh aktiviti pembinaan dan pertukangan khas. Manakala sektor pertanian meningkat 0.5 peratus juga menyokong pertumbuhan positif ekonomi negeri ini.

4.0 SEKTOR PERTANIAN NEGERI SARAWAK

Jenis – jenis pertanian di Sarawak terdiri daripada tanaman komersial, tanaman makanan, penternakan, perikanan dan perhutanan & pembalakan.

Paparan 1: Jenis-Jenis Pertanian di Sarawak

TANAMAN KOMERSIAL	TANAMAN MAKANAN	PENTERNAKAN DAN PERIKANAN	PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN
Kelapa sawit: Merupakan eksport utama negeri	Padi sawah dan padi huma: Sumber makanan utama di kawasan pedalaman	Ternakan ayam, lembu, dan kambing dijalankan untuk bekalan domestik	Aktiviti perhutanan dijalankan secara sara diri
Lada hitam: Sarawak terkenal sebagai pengeluar utama lada hitam berkualiti tinggi di Malaysia	Buah-buahan tropika seperti durian, rambutan, dan dabai	Aktiviti perikanan air tawar seperti ternakan ikan tilapia dan keli semakin berkembang	Manakala aktiviti pembalakan dijalankan sebagai aktiviti komersial
Getah dan koko juga merupakan antara tanaman yang diusahakan secara komersial	Sayur-sayuran dan tanaman kontan lain turut diusahakan oleh petani kecil		

Sektor pertanian memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi sesebuah negeri melalui eksport dan menyokong pembangunan luar bandar. Selain itu, ia menjamin sekuriti makanan negara dengan memastikan bekalan makanan yang stabil di peringkat tempatan serta mengurangkan kebergantungan negara kepada import pertanian. Sektor pertanian di Sarawak mencatatkan nilai ditambah berjumlah RM15.1 bilion pada tahun 2024 berbanding RM15.0 bilion pada tahun sebelumnya.

Sektor ini menyumbang 10.2 peratus kepada KDNK Sarawak dan merupakan penyumbang ketiga terbesar kepada sektor pertanian di Malaysia iaitu 14.6 peratus. Subsektor tanaman mendominasi sektor pertanian di Sarawak dengan sumbangan sebanyak 82.9 peratus. Ini diikuti oleh subsektor perhutanan & pembalakan (8.4%), ternakan (4.8%) dan perikanan (3.9%).

5.0 EKSPORT DAN IMPORT PRODUK PERTANIAN

Jadual 1 Eksport luar negeri, Sarawak
2023

KETERANGAN	RM bilion
Minyak kelapa sawit	13.9
Papan lapis	1.4
Minyak isirung kelapa sawit	0.7

Jadual 2 Import luar negeri,
Sarawak 2023

KETERANGAN	RM Juta
Jagung (termasuk jagung manis)	472.2
Sayur-sayuran	404.1
Beras	396.3

Eksport luar negeri Sarawak mencatatkan penurunan sebanyak RM19.6 bilion atau 14.9 peratus kepada RM112.5 bilion pada 2023. Eksport komoditi utama pertanian bagi Sarawak adalah minyak kelapa sawit bernilai RM13.9 bilion, diikuti papan lapis bernilai RM1.4 bilion dan minyak isirung kelapa sawit bernilai RM0.7 bilion.

Import luar negeri Sarawak mencatatkan penurunan 10.7 peratus dengan nilai import sebanyak RM30.3 bilion. Import komoditi utama pertanian ialah jagung (termasuk jagung manis) bernilai RM472.2 juta diikuti sayur-sayuran bernilai RM404.1 juta serta beras bernilai RM396.3 juta.

Jadual 3 Eksport antara wilayah,
Sarawak 2023

KETERANGAN	RM Juta
Minyak isirung kelapa sawit	858.5
Minyak kelapa sawit	439.1
Hasil keluaran kelapa sawit yang lain	45.1

Jadual 4 Import antara wilayah, Sarawak
2023

KETERANGAN	RM Juta
Gula daripada bit atau tebu	172.6
Sayur-sayuran	94.5
Ikan segar, didinginkan atau disejukkbejukan	32.4

Eksport antara wilayah Sarawak tahun 2023 mencatatkan penurunan sebanyak RM2.6 bilion atau 12.2 peratus kepada RM18.3 bilion. Eksport komoditi utama pertanian adalah minyak isirung kelapa sawit bernilai RM858.5 juta, diikuti minyak kelapa sawit bernilai RM439.1 juta dan hasil keluaran kelapa sawit yang lain bernilai RM45.1 juta.


Import antara wilayah Sarawak mencatatkan peningkatan sebanyak 6.8 peratus, dengan nilai sebanyak RM32.2 bilion. Import komoditi utama pertanian ialah gula daripada bit atau tebu bernilai RM172.6 juta diikuti sayur-sayuran bernilai RM94.5 juta serta ikan segar, didinginkan atau disejukkbejukan bernilai RM32.4 juta.

6.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, SARAWAK

PROFIL PEGANGAN PERTANIAN


Hasil dapatan Bangci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 147,414 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023 di Sarawak. Daripada jumlah ini, 145,378 (98.6%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 2,036 (1.4%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 2: Pegangan Pertanian, Sarawak, 2023



PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU

Daripada 145,378 orang yang terlibat dalam aktiviti pertanian di Sarawak, 99.9 peratus adalah terdiri daripada warganegara. Lelaki mendominasi penglibatan dalam sektor pertanian sebanyak 80.0 peratus. Sementara itu, pegangan pertanian individu yang berumur 60 tahun dan ke atas serta 46 hingga 59 tahun merupakan kumpulan umur yang terbesar dalam aktiviti pertanian, iaitu masing-masing sebanyak 43.6 peratus dan 37.3 peratus. Dari segi kumpulan etnik pula, Bumiputera mencatatkan sumbangan sebanyak 96.6 peratus. Manakala 42.2 peratus pegangan pertanian individu di Sarawak merekodkan tiada sijil pendidikan.

Paparan 3: Profil Pegangan Sektor Pertanian Individu, Sarawak, 2023**KELUASAN BERTANAM DAN BERTUAI**


Keluasan bertanam sektor Pertanian di Sarawak merekodkan 1.8 juta hektar pada tahun 2023, Keluasan ini didominasi oleh tanaman kelapa sawit yang mencatatkan keluasan 1.7 juta hektar. Getah pula mempunyai keluasan 68.2 ribu hektar dan diikuti oleh keluasan buah – buahan iaitu 27.4 ribu hektar. Tiga subsektor ini menyumbangkan sejumlah 98.1 peratus daripada jumlah keluasan sektor Pertanian.

Manakala untuk luas bertuai, Sarawak mencatatkan keluasan bertuai 1.5 juta hektar. Tanaman kelapa sawit juga mencatatkan keluasan bertuai yang tertinggi iaitu 1.5 juta hektar. Tanaman getah pula mencatatkan keluasan bertuai 53.0 ribu hektar dan buah – buahan merekodkan 13.6 ribu hektar untuk keluasan bertuai. Tiga subsektor ini merekodkan sumbangan 98.0 peratus daripada jumlah keluasan bertuai sektor Pertanian.

KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI DAN NILAI JUALAN


Kuantiti pengeluaran subsektor tanaman di Sarawak mencatatkan 22,911.8 ribu tan metrik dengan kuantiti pengeluaran tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 22,562.0 ribu tan metrik. Pengeluaran kedua dan ketiga tertinggi adalah buah-buahan dan sayur-sayuran dengan masing-masing menghasilkan 87.1 ribu dan 75.8 ribu tan metrik. Kuantiti jualan pula mencatatkan 22,884.2 ribu tan metrik. Kuantiti jualan tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 22,562.0 ribu tan metrik. Seterusnya, pengeluaran kedua dan ketiga tertinggi adalah buah-buahan dan sayur-sayuran dengan masing-masing mengeluarkan 77.5 ribu tan metrik dan 72.5 ribu tan metrik. Subsektor tanaman mencatatkan nilai jualan sebanyak RM20,672.75 juta.

Paparan 4: Parameter Utama Subsektor Pertanian, Sarawak, 2023



GUNA TENAGA

Guna tenaga dalam konteks Banci Pertanian 2024 merujuk kepada individu yang bekerja dengan pengusaha, samada individu tersebut merupakan sebahagian daripada pegangan individu ataupun pertubuhan. Guna tenaga dalam Banci Pertanian diklasifikasi kepada tiga kategori utama, iaitu Pemilik & Rakan Niaga yang aktif, Pekerja Keluarga Tanpa Gaji dan Pekerja Bergaji.

Paparan 5: Guna Tenaga Sektor Pertanian, Sarawak, 2023

Sektor pertanian Sarawak mencatatkan jumlah guna tenaga seramai 324,567 orang tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu merekodkan komposisi tertinggi sebanyak 73.1 peratus, bersamaan 237,148 orang. Manakala pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan 26.9 peratus atau 87,419 orang (Paparan 5).

Mengikut pecahan guna tenaga pula, pekerja bergaji merupakan kumpulan terbesar dengan jumlah 140,361 orang iaitu 43.3 peratus. Ini diikuti oleh pemilik & rakan niaga yang aktif seramai 127,926 orang (39.4%), manakala pekerja keluarga tanpa gaji mencatatkan 56,280 orang (17.3%).

Penyertaan pelbagai kategori guna tenaga ini menjadi asas penting dalam membina ekosistem pertanian bersifat inklusif, cekap dan lestari, sejajar dengan matlamat pembangunan sektor pertanian Sarawak secara mampan dan berdaya saing.



SUBSEKTOR TANAMAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong


7.0 STATISTIK UTAMA TANAMAN

PEGANGAN PERTANIAN

Pada tahun 2023, sejumlah 141,783 pegangan pertanian (96.2%) daripada keseluruhan bilangan pegangan pertanian adalah daripada subsektor tanaman. Subsektor ini telah mencatatkan bilangan pegangan pertanian perseorangan sejumlah 140,112 orang (98.8%). Manakala pegangan pertanian pertubuhan adalah 1,671 (1.2%) pertubuhan. (Paparan 6)

Tanaman kelapa sawit merupakan penyumbang terbesar bagi subsektor tanaman. Bilangan pegangan pertanian yang direkodkan oleh tanaman kelapa sawit adalah 49,394 orang pengusaha. Daripada jumlah tersebut, 47,940 (97.1%) adalah pegangan pertanian individu manakala 1,454 (2.9%) adalah pegangan pertanian di peringkat pertubuhan.

Paparan 6: Profil Pegangan Pertanian Individu, Sarawak, 2023



LUAS BERTANAM DAN BERTUAI

Keluasan yang diliputi subsektor tanaman ini mencatatkan 1.8 juta hektar. Manakala daripada segi keluasan bertuai subsektor tanaman merekodkan keluasan 1.5 juta hektar. Keluasan bertanam didominasi oleh tanaman kelapa sawit yang mencatatkan keluasan 1.7 juta hektar. Getah pula mempunyai keluasan 68.2 ribu hektar dan diikuti oleh keluasan tanaman buah-buahan iaitu 27.4 ribu hektar.

Tanaman kelapa sawit juga mencatatkan keluasan bertuai yang tertinggi iaitu 1.5 juta hektar. Tanaman getah pula mencatatkan keluasan bertuai 53.0 ribu hektar dan buah-buahan merekodkan 13.6 ribu hektar untuk keluasan bertuai.

KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Daripada segi nilai jualan sektor tanaman telah mencatatkan nilai jualan RM20.67 bilion dan dominasi sektor tanaman di Sarawak disumbangkan oleh tanaman kelapa sawit dengan sumbangan nilai jualan sejumlah RM18.61 bilion (79.1%). Nilai jualan yang kedua tertinggi untuk subsektor tanaman disumbangkan oleh tanaman lada iaitu RM730.57 juta dan diikuti oleh tanaman sayur-sayuran merekodkan nilai jualan RM482.25 juta.

Kuantiti pengeluaran subsektor tanaman di Sarawak mencatatkan 22,876.2 ribu tan metrik dengan kuantiti pengeluaran tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 22,562.0 ribu tan metrik. Pengeluaran kedua dan ketiga tertinggi adalah buah-buahan dan sayur-sayuran dengan masing-masing menghasilkan 87.1 ribu dan 75.8 ribu tan metrik. Kuantiti jualan pula mencatatkan 22,854.7 ribu tan metrik. Kuantiti jualan tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 22,562.0 ribu tan metrik. Seterusnya, pengeluaran kedua dan ketiga tertinggi adalah buah-buahan dan sayur-sayuran dengan masing-masing mengeluarkan 77.5 ribu dan 72.5 ribu tan metrik. Subsektor tanaman mencatatkan nilai jualan sebanyak RM20,672.75 juta.

Paparan 7: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Sarawak, 2023

Subsektor Tanaman				
  				
Pegangan Pertanian Individu Pertubuhan				
	Keluasan Bertanam ('000 Hektar)	1,803.4	426.0	1,377.4
	Keluasan Bertuai ('000 Hektar)	1,548.2	385.1	1,163.2
	Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	22,876.2	4,076.3	18,799.9
	Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	22,854.7	4,054.9	18,798.9
	Nilai Jualan (RM juta)	20,672.75	4,769.33	15,903.42

GUNA TENAGA

Paparan 8: Guna Tenaga Subsektor Tanaman, Sarawak, 2023

Guna Tenaga Subsektor Tanaman, Sarawak, 2023						
	Jumlah	Individu	Pertubuhan	Pemilik & Rakan niaga yang aktif	Pekerja Bergaji	Pekerja Keluarga Tanpa Gaji (orang)
Buah - Buahan	17,292	16,758	534	9,595	2,264	5,433
Getah	42,298	41,895	403	40,762	1,516	20
Kelapa Sawit	220,463	104,524	115,939	25,364	152,827	42,272
Koko	2,138	2,119	19	1,143	519	476
Lada	50,140	50,124	16	32,220	5,293	12,627
Nanas	2,769	2,756	13	2,334	380	55
Padi	14,810	14,786	24	14,609	201	-
Sayur- sayuran	20,104	17,667	2,437	16,020	3,505	579
Tanaman Lain	12,820	11,294	1,526	5,377	5,232	2,211

Tanaman kelapa sawit mencatatkan penglibatan guna tenaga tertinggi dengan jumlah keseluruhan 220,463 orang, diikuti oleh lada (50,140 orang) dan getah (42,298 orang). Ketiga-tiga komoditi ini menunjukkan penyertaan guna tenaga yang besar dalam kalangan pegangan individu dan pertubuhan. Tanaman seperti sayur-sayuran (20,104 orang), buah – buahan (17,292 orang), padi (14,810 orang) serta tanaman lain (12,820 orang), walaupun dalam skala lebih kecil, turut menyumbang kepada landskap guna tenaga Sarawak, khususnya melalui penglibatan pemilik & rakan niaga yang aktif dan pekerja bergaji.

Dari segi pecahan kategori guna tenaga, peranan pemilik & rakan niaga yang aktif merupakan kumpulan dominan bagi hampir semua jenis tanaman, khususnya dalam tanaman getah (40,762 orang) dan lada (32,220 orang). Bagi penglibatan guna tenaga pekerja bergaji pula, kelapa sawit mendahului aktiviti tanaman lain dengan 152,827 orang, mencerminkan kebergantungan tinggi sumber tenaga manusia terhadap pengeluaran industri komoditi ini. Dalam konteks pekerja keluarga tanpa gaji, dapatan Banci Pertanian 2024 turut merekodkan penyertaan guna tenaga yang tinggi dalam aktiviti tanaman kelapa sawit iaitu 42,272 orang, diikuti tanaman lada (12,627 orang). Manakala, lain-lain aktiviti tanaman adalah seperti di Paparan 8.

Subsektor tanaman Sarawak tahun 2023 memperlihatkan penyertaan aktif daripada pelbagai kategori penglibatan guna tenaga dalam pegangan pertanian individu dan pertubuhan. Secara keseluruhannya, subsektor tanaman memainkan peranan penting terhadap penyerapan guna tenaga di negeri Sarawak, mencerminkan wujud kebergantungan *labour intensive* dalam menyokong ekosistem pertanian negeri ini.

PARAMETER UTAMA MENGIKUT AKTIVITI TANAMAN

STATISTIK UTAMA KELAPA SAWIT

PENGENALAN

Industri kelapa sawit terus mengukuhkan kedudukannya sebagai komoditi utama di Sarawak. Pada tahun 2023, sektor Pertanian Sarawak berkembang 2.0 peratus berbanding 1.8 peratus pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini antaranya disokong oleh data dari Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bagi jumlah pengeluaran buah tandan segar sebanyak 3.9 peratus berbanding 4.5 peratus pada tahun 2022, (Laporan Sosioekonomi Sarawak, 2023). Di peringkat nasional, sektor Pertanian Malaysia turut mencatat pertumbuhan marginal sebanyak 0.2 peratus (2022: 1.3%), dipacu sebahagiannya oleh pertumbuhan sederhana 0.2 peratus dalam subsektor kelapa sawit, (Keluaran Dalam Negeri Kasar, 2015 - 2024).


PEGANGAN PERTANIAN

Kelapa sawit Sarawak mencatatkan penglibatan seramai 49.39 ribu pegangan pertanian, merangkumi pegangan pertanian di peringkat pertubuhan dan individu, Paparan 9. Manakala, dari sudut pecahan pegangan pertanian, daerah Miri, Subis dan Beluru direkodkan sebagai penyumbang utama, mewakili 25.9 peratus daripada jumlah pegangan pertanian seperti dapatan Banci Pertanian 2024.

Penglibatan syarikat perladangan utama terus menjadi pemangkin pertumbuhan industri, didorong oleh pelaburan strategik dalam teknologi, kecekapan operasi, serta tadbir urus ladang yang baik. Pada masa yang sama, pengusaha kecil antara yang menyokong rantaian bekalan, khususnya dari aspek penyertaan komuniti luar bandar.

Sinergi antara pemain industri berskala besar dan pengusaha kecil melalui pendekatan kolaboratif seperti program integrasi ladang dan pensijilan MSPO, telah meletakkan asas kukuh ke arah pembangunan sektor agrikomoditi kelapa sawit Sarawak yang berdaya saing, inklusif dan mampan.

Paparan 9: Pegangan Pertanian Kelapa Sawit, Sarawak, 2023



LUAS BERTANAM DAN BERTUAI

Pertumbuhan industri kelapa sawit Sarawak disokong oleh keluasan kawasan bertanam seluas 1.67 juta hektar pada tahun 2023. Perancangan dan tadbir urus tanah yang sistematik telah menjadi pemangkin utama dengan 86.7 peratus daripada keseluruhan kawasan bertanam telah mencapai peringkat bertuai, manakala selebihnya belum mencapai tempoh matang.

Daerah Mukah, Bintulu dan Subis antara penyumbang jualan buah tandan segar tertinggi Sarawak merekodkan komposisi kawasan bertuai masing-masing pada kadar 89.7 peratus, 81.7 peratus dan 88.2 peratus seperti di Paparan 10.

Paparan 10: Luas Bertanam, Luas Bertuai & Komposisi Tiga Daerah Jualan Kasar Buah Tandan Segar Tertinggi, Sarawak, 2023

Mukah : Luas bertanam: 170.09 ribu hektar Luas bertuai: 152.55 ribu hektar Komposisi: 89.7 peratus	Bintulu : Luas bertanam: 166.53 ribu hektar Luas bertuai: 136.00 ribu hektar Komposisi: 81.7 peratus	Subis : Luas bertanam: 136.51 ribu hektar Luas bertuai: 120.43 ribu hektar Komposisi: 88.2 peratus
--	--	--

PENGELUARAN DAN NILAI JUALAN

Secara keseluruhan, jualan kasar buah tandan segar kelapa sawit Sarawak merekodkan nilai RM18.61 bilion. Nilai jualan kasar ini telah disokong dengan 22.56 juta tan metrik pengeluaran buah tandan segar pada tahun 2023. Pengeluaran buah tandan segar merupakan komponen utama dalam rantai nilai industri kelapa sawit negara dan memainkan peranan strategik dalam menjana pertumbuhan ekonomi nasional. Ia juga merupakan bahan mentah kritikal bagi sektor hiliran yang melibatkan penghasilan minyak masak, biodiesel, oleokimia dan produk pengguna lain.

Tiga daerah tertinggi penyumbang jualan buah tandan segar kelapa sawit Sarawak direkodkan di daerah Mukah dengan nilai RM2.01 bilion (10.8%), diikuti Bintulu RM1.79 bilion (9.6%) dan Subis RM1.55 bilion (8.3%). Manakala lain-lain sumbangan adalah seperti di Jadual 5.



Jadual 5: Nilai Jualan & Sumbangan Buah Tandan Segar Mengikut Daerah, 2023

Daerah	Nilai Jualan (RM juta)	Sumbangan (%)
Mukah	2,012.45	10.8
Bintulu	1,789.49	9.6
Subis	1,553.38	8.3
Miri	1,472.82	7.9
Beluru	1,080.66	5.8
Sibu	1,008.90	5.4
Belaga	816.83	4.4
Daro	760.47	4.1
Sri Aman	638.05	3.4
Sebauh	633.12	3.4
Dalat	613.58	3.3
Serian	608.25	3.3
Simunjan	546.12	2.9
Lundu	477.43	2.6
Tatau	452.89	2.4
Marudi	438.11	2.4
Matu	434.79	2.3
Betong	411.16	2.2
Samarahan	337.47	1.8
Selangau	274.21	1.5
Kanowit	229.84	1.2
Bau	205.41	1.1
Saratok	196.38	1.1
Kapit	185.27	1.0
Lawas	181.41	1.0
Lubok Antu	178.22	1.0
Limbang	165.39	0.9
Pakan	136.10	0.7
Telang Usan	116.94	0.6
Sarikei	111.84	0.6
Kuching	80.78	0.4
Kabong	76.66	0.4
Pusa	76.65	0.4
Maradong	73.75	0.4
Asajaya	66.74	0.4
Julau	61.58	0.3
Lingga	25.27	0.1
Tebedu	23.38	0.1
Pantu	21.73	0.1
Sebuyau	18.49	0.1
Gedong	12.54	0.1
Tanjung Manis	6.51	0.0
Siburan	3.24	0.0
Bukit Mabong	0.26	0.0
Song	0.05	0.0
Sarawak	18,614.61	100.0

Empat daerah merekodkan komposisi sumbangan kurang dari 0.1 peratus bagi jualan buah tandan segar iaitu Tanjung Manis, Siburan, Bukit Mabong dan Song. Keempat-empat daerah ini turut mencatatkan nilai jualan di bawah paras RM10 juta, dengan masing-masing RM6.51 juta (Tanjung Manis), RM3.24 juta (Siburan), RM259.93 ribu (Bukit Mabong) dan RM54.11 ribu (Song).

PENUTUP

Industri kelapa sawit antara pemacu utama ekonomi nasional dengan sumbangan lebih RM80.0 bilion setahun. Selain menjadi sumber pendapatan utama penduduk luar bandar, sektor ini turut menjadi antara pemacu kepada permintaan tenaga kerja, termasuk keterlibatan buruh asing.

Meskipun berdepan cabaran global, prospek jangka panjang industri ini kekal positif. Adaptasi teknologi pertanian moden, penerokaan pasaran baharu serta pengukuhan amalan pertanian baik, diyakini mampu memperkukuh daya saing dan menjamin kelestarian industri sawit sebagai sektor strategik negara.



STATISTIK UTAMA GETAH


PENGENALAN

Sektor tanaman getah terus menjadi salah satu komponen utama dalam pembangunan pertanian negeri Sarawak. Aktiviti penanaman getah bukan sahaja menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri, malah memberi manfaat secara langsung kepada komuniti luar bandar, khususnya pekebun kecil.

PEGANGAN PERTANIAN

Sarawak merekodkan 42,901 pegangan pertanian ladang getah dengan majoriti 99.9 peratus adalah pegangan pertanian individu. Lima daerah yang mempunyai bilangan pekebun kecil yang paling ramai adalah Betong (18.4%), Sri Aman (17.7%), Sarikei (15.2%), Samarahan (15.0%) dan Limbang (8.5%). Manakala, daerah Bukit Mabong, Subis, Lingga, Pusa, Telang Usan, Sebauh dan Beluru masing-masing merekodkan kurang daripada lima pengusaha aktif dalam industri getah.

Carta 1: Lima Daerah Teratas Pegangan Individu Getah, Sarawak, 2023



LUAS BERTANAM DAN BERTOREH

Penanaman getah di Sarawak tersebar di pelbagai daerah, dengan tumpuan utama di kawasan luar bandar. Keluasan bertanam dianggarkan sekitar 68,211.8 hektar dengan keluasan bertoreh 52,966.6 hektar (77.7 peratus). Lima daerah utama yang terlibat dalam penanaman getah adalah Betong (14,728.8 hektar), Sarikei (11,832.2 hektar), Sri Aman (11,584.6 hektar), Samarahan (8,296.2 hektar) dan Kuching (5,310.7 hektar). Kelima-lima daerah ini menyumbang 79.0 peratus kawasan bertoreh. Manakala, daerah Tanjung Manis adalah satu-satunya daerah yang tidak terlibat penanaman getah.



**Jadual 6: Nilai Jualan Getah Daerah
Pentadbiran, Sarawak, 2023**

Daerah	Nilai Jualan (RM '000)	Sumbangan (%)
Betong	51,272.92	23.0
Sri Aman	36,202.23	16.3
Sarikei	36,174.40	16.2
Samarahan	23,688.75	10.6
Kuching	21,029.38	9.4
Limbang	16,879.74	7.6
Sibu	10,125.30	4.5
Lubok Antu	7,671.37	3.4
Lawas	2,780.03	1.2
Lundu	2,548.72	1.1
Kapit	2,478.92	1.1
Saratok	2,332.87	1.0
Miri	1,713.35	0.8
Kanowit	775.92	0.3
Bau	622.76	0.3
Tebedu	617.36	0.3
Marudi	575.84	0.3
Sebuyau	527.26	0.2
Pantu	481.09	0.2
Siburan	386.42	0.2
Kabong	373.55	0.2
Belaga	369.36	0.2
Gedong	367.50	0.2
Bintulu	354.39	0.2
Serian	316.65	0.1
Tatau	310.10	0.1
Selangau	293.44	0.1
Mukah	244.97	0.1
Song	241.11	0.1
Simunjan	172.37	0.1
Julau	152.12	0.1
Asjaya	126.38	0.1
Daro	96.46	0.0
Pusa	75.77	0.0
Dalat	72.47	0.0
Pakan	69.43	0.0
Maradong	67.27	0.0
Matu	31.44	0.0
Bukit Mabong	27.36	0.0
Subis	15.20	0.0
Lingga	12.16	0.0
Telang Usan	11.82	0.0
Beluru	7.60	0.0
Sebauh	4.11	0.0
Tanjung Manis	-	-
Sarawak	222,697.62	100.0

PENGELUARAN DAN NILAI JUALAN

Secara keseluruhan, industri getah di Sarawak terus menunjukkan sumbangan yang signifikan kepada sektor pertanian negeri, khususnya melalui pengeluaran getah asli dan nilai jualan yang dicatatkan. Dapatan banci kali ini merekodkan jumlah pengeluaran getah di Sarawak adalah sebanyak 44,176.6 tan metrik dengan nilai jualan mencecah RM222.70 juta.

Betong mencatatkan jumlah nilai jualan tertinggi iaitu RM51.27 juta (23.0%), menjadikannya daerah yang paling produktif di Sarawak. Ini diikuti oleh Sri Aman dengan nilai jualan sebanyak RM36.20 juta (16.3%) dan Sarikei sebanyak RM36.17 juta (16.2%). Ketiga-tiga daerah ini telah menyumbang kepada 55.5 peratus nilai jualan bagi keseluruhan Sarawak.

Manakala, tiga daerah mencatatkan sumbangan nilai jualan terendah, masing-masing kurang daripada 0.1 peratus adalah Sebauh berjumlah RM4.11 ribu, Beluru berjumlah RM7.60 ribu dan Telang Usan berjumlah RM11.81 ribu.

PENUTUP

Secara keseluruhannya, sektor tanaman getah di Sarawak kekal relevan sebagai pemangkin pembangunan luar bandar serta mempunyai potensi besar untuk berkembang. Dengan sokongan dasar yang mantap, pelaksanaan program bersasar, serta penglibatan aktif semua pihak berkepentingan, industri getah negeri dijangka terus berkembang ke arah yang lebih mampan dan berdaya saing.



STATISTIK UTAMA NANAS

PENGENALAN


Nanas adalah buah yang berasal dari Amerika Selatan, terutama wilayah Brazil dan Paraguay. Nanas termasuk dalam keluarga *Bromeliaceae* dan dikenali kerana rasanya yang masam manis. Nama buah ini dipinjam daripada Bahasa Portugis iaitu ananas. Di Malaysia, nanas banyak ditanam di negeri Johor, Sarawak, Pahang, Sabah dan Selangor. Sarawak mempunyai potensi besar untuk meningkatkan penanaman nanas yang mana Sarawak masih mempunyai kawasan tanah yang sesuai untuk tanaman nanas dan didorong pula oleh permintaan yang tinggi daripada luar negara.

Terdapat pelbagai jenis nanas tetapi yang banyak ditanam di Sarawak antaranya varieti MD2, Josapine, Moris, N36 dan Nanas Sarawak.

PEGANGAN PERTANIAN

Pada tahun 2023, 2,354 pegangan pertanian yang terdiri daripada individu dan pertubuhan yang terlibat dalam aktiviti penanaman nanas. Lima (5) daerah yang teratas dari segi bilangan pegangan pertanian ialah Kuching mencatatkan 218 pengusaha, diikuti Serian 201 pengusaha, Samarahan 175 pengusaha, Sibu 162 pengusaha dan Sarikei 143 pengusaha.

Carta 2: Daerah dengan bilangan pengusaha nanas tertinggi, Sarawak, 2023



KELUASAN BERTANAM DAN BERTUAI

Daerah di Sarawak terlibat dengan aktiviti penanaman nanas dengan jumlah keluasan sebanyak 2,340 hektar. Lima (5) daerah tertinggi yang mempunyai kawasan penanaman terluas dimulai Samarahan dengan keluasan tanaman sebanyak 405 hektar. Ini diikuti daerah penanaman kedua terbesar iaitu Miri 191 hektar, seterusnya Sarikei (188 hektar), Maradong (175 hektar) dan Kuching (164 hektar).

Keluasan bertuai pula adalah kurang berbanding keluasan bertanam kerana tempoh matang nanas melebihi 12 bulan. Keseluruhan keluasan tuaian pada tahun 2023 di Sarawak adalah 1,805 hektar. Daerah Samarahan mempunyai keluasan bertuai yang teratas iaitu 290 hektar, diikuti daerah Miri (141 hektar), Sarikei (140 hektar) Kuching (131 hektar) dan Maradong (128 hektar).

Carta 3: Keluasan bertanam nanas teratas berbanding keluasan bertuai (hektar), Sarawak, 2023



PENGELUARAN DAN JUALAN

Sarawak mencatatkan pengeluaran nanas sebanyak 60,335.3 tan metrik pada tahun 2023. Samarahan adalah daerah pengeluar nanas yang terbesar dengan jumlah keluaran sebanyak 9,862.8 tan atau 16.3 peratus. Ini diikuti oleh daerah Miri sebanyak 4,715.9 tan metrik, Sarikei (4,606.7 tan metrik), Kuching (4,429.2 tan metrik) dan Maradong (4,389.0 tan metrik).

Manakala jumlah keseluruhan nilai jualan nanas negeri Sarawak tahun 2023 adalah RM184.72 juta. Lima daerah yang mencatat nilai jualan tertinggi didahului oleh daerah Samarahan dengan nilai jualan sebanyak RM38.46 juta atau 20.8 peratus daripada jumlah nilai jualan negeri.



Kedua tertinggi pula dari daerah Miri dengan nilai jualan sebanyak RM13.7, diikuti daerah Sarikei dengan nilai jualan RM13.4 juta, Maradong RM12.7 juta dan Kuching RM12.5 juta.

Carta 4: Lima daerah dengan kuantiti pengeluaran nanas teratas , Sarawak, 2023



Carta 5: Lima daerah dengan nilai jualan nanas teratas , Sarawak, 2023



PENUTUP

Secara umumnya, industri nanas di Sarawak berpotensi untuk berkembang dan memberi manfaat yang ketara kepada ekonomi negeri. Ini disebabkan permintaan semasa yang masih tinggi dalam dan luar negara. Tambahan pula terdapat tanah yang sesuai untuk penanaman nanas negeri ini.



STATISTIK UTAMA KOKO

PENGENALAN

Tanaman koko merupakan salah satu komoditi yang sedang diperkasa oleh Lembaga Koko Malaysia (LKM) dan agensi berkaitan. Tanaman koko di Sarawak mula diperkenalkan secara komersial sekitar tahun 1980-an sebagai usaha untuk mempelbagaikan tanaman komoditi dan meningkatkan pendapatan petani khususnya di kawasan luar bandar. Pada akhir 1990-an, pengeluaran koko telah menurun disebabkan masalah penyakit seperti '*Black Pod Disease*' dan '*Frosty Pod Rot*' yang menyerang tanaman koko. Selain itu, ramai pekebun kecil mula beralih kepada tanaman lain yang lebih menguntungkan seperti kelapa sawit menyebabkan penurunan dalam keluasan tanaman koko di Sarawak.

PEGANGAN PERTANIAN

Sarawak merekodkan 1,145 pegangan pertanian tanaman koko pada tahun 2023 yang didominasi oleh pegangan pertanian individu seramai 1,141 orang dan pegangan pertanian pertubuhan sebanyak 4 pertubuhan. Simunjan merekodkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu seramai 213 (18.6%), diikuti Sebuyau 135 (11.8%), Kuching 127 (11.1%), Asajaya 105 (9.2%) dan Tebedu 102 (8.9%).

Carta 6: Lima Daerah Teratas dengan Pegangan Pertanian Tanaman Koko, Sarawak, 2023




KELUASAN BERTANAM DAN BERTUAI

Keluasan bertanam koko mencatatkan seluas 987 hektar dengan keluasan bertuai sebanyak 681 hektar (69.0%) pada tahun 2023. Lima daerah teratas yang merekodkan keluasan bertanam tertinggi adalah Simunjan (169 hektar), Sebuyau (138 hektar), Kuching (114 hektar), Tebedu (107 hektar) dan Asajaya (93 hektar). Keluasan lima daerah ini merangkumi 62.9 peratus daripada keseluruhan kawasan bertanam koko di Sarawak.

Manakala, Sebuyau merekodkan keluasan bertuai tertinggi iaitu 96 hektar, diikuti Kuching (93 hektar), Tebedu (85 hektar), Simunjan (79 hektar) dan Asajaya (66 hektar).

Carta 7: Lima Daerah Teratas dengan Keluasan Bertanam dan Bertuai (hektar) Terbesar, Sarawak, 2023



KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI JUALAN DAN NILAI JUALAN

Tanaman koko di Sarawak mencatatkan kuantiti pengeluaran sebanyak 44.6 tan metrik dan kuantiti jualan sebanyak 39.0 tan metrik dengan nilai jualan RM367.76 ribu pada tahun 2023. Daerah Lundu merupakan penyumbang utama bagi tanaman koko di Sarawak dengan merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 23.2 tan metrik dan nilai jualan berjumlah RM224.46 ribu.



Jadual 7: Lima Daerah Teratas dengan Kuantiti Pengeluaran dan Nilai Jualan Tertinggi, Sarawak, 2023

Daerah	Kuantiti Pengeluaran (Tan Metrik)	Nilai Jualan (RM '000)
Lundu	23.2	224.46
Sebuyau	7.5	22.38
Kuching	2.7	27.27
Tebedu	2.4	21.17
Asajaya	1.5	12.13

PENUTUP

Secara keseluruhannya, industri koko di Sarawak memiliki potensi besar untuk berkembang dengan sokongan berterusan daripada kerajaan melalui pelbagai insentif dan program bantuan dalam meningkatkan pengeluaran dan kualiti serta memanfaatkan peluang pasaran global.



STATISTIK UTAMA LADA

PENGENALAN

Sektor penanaman lada di Sarawak terus menjadi antara komoditi utama yang menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi luar bandar, khususnya dalam kalangan pekebun kecil dan komuniti pertanian tempatan. Kedudukan Sarawak sebagai penyumbang utama industri lada negara dikukuhkan dengan jumlah pengeluaran mencecah 35.6 juta kilogram.

Pada tahun 2023, keluasan tanaman lada di Sarawak direkodkan seluas 7,622 hektar, dengan kawasan bertuai seluas 6,660 hektar. Jumlah pengeluaran keseluruhan, dicatatkan sebanyak 35.6 juta kilogram dengan kuantiti jualan 30.4 juta kilogram dan menghasilkan nilai jualan kasar berjumlah RM730.5 juta.

PEGANGAN PERTANIAN

Sarawak merupakan pengeluar tanaman lada terbesar yang diusahakan oleh seramai 31,715 orang pegangan pertanian individu pada tahun 2023. Tebedu merekodkan bilangan pegangan pertanian individu lada tertinggi di Sarawak dan Malaysia seramai 3,153. Ini diikuti oleh Serian dengan 2,894 orang pegangan pertanian individu dan Julau dengan seramai 2,879. Sementara, pegangan pertanian individu Lubok Antu dan Pakan masing-masing 2,734 dan 2,365 orang. Bilangan pegangan pertanian pertubuhan yang direkodkan di negeri Sarawak adalah satu pertubuhan di Pakan.

Jadual 8: Lima daerah dengan bilangan pegangan pertanian tertinggi di Sarawak, 2023

Sarawak	31,715
Tebedu	3,153
Serian	2,894
Julau	2,879
Lubok Antu	2,734
Pakan	2,365

LUAS BERTANAM DAN BERTUAI

Jadual 9 menunjukkan Sarawak mempunyai seluas 7,622.1 hektar keluasan bertanam dan dari jumlah ini seluas 6,659.6 hektar iaitu 87.0 peratus merupakan keluasan dan komposisi bertuai bagi tanaman lada.




Jadual 9: Lima Daerah Utama Pengeluar Lada Sarawak mengikut keluasan, 2023

Daerah	Luas Bertanam (Hektar)	Luas Bertuai (Hektar)	Komposisi Bertuai
Julau	1,065.5	960.0	90.1
Tebedu	814.4	614.5	75.5
Betong	707.6	628.2	88.8
Serian	637.0	563.2	88.4
Pakan	605.2	551.8	91.2

Daerah Julau, Tebedu, dan Betong merupakan daerah utama mengikut keluasan bertanam masing-masing dengan 1,066.5 hektar, 814.4 hektar, dan 707.6 hektar. Keluasan bertuai bagi ketiga-tiga daerah juga dicatatkan antara yang tertinggi di Sarawak. Luas bertanam bagi Serian dan Pakan pula mencatatkan 637.0 hektar dan 605.2 hektar.

Paparan 11: Lima daerah dengan keluasan bertanam tertinggi Lada, Sarawak, 2023



KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI JUALAN DAN NILAI JUALAN

Pengeluaran tertinggi bagi tahun 2023 direkodkan di Julau, dengan pengeluaran sejumlah 5.1 juta kilogram diikuti Tebedu dengan 3.5 juta kilogram dan Serian 3.3 juta kilogram. Manakala, bagi kuantiti jualan Julau masih mencatatkan kuantiti jualan yang tinggi dengan 4.6 juta kilogram diikuti Pakan dan Serian dengan kuantiti jualan 2.8 juta kilogram dan 2.7 juta kilogram.



Carta 8: Daerah yang Mencatatkan Pengeluaran dan Kuantiti Jualan Melebihi 1 juta kg pada tahun 2023



Subsektor lada Sarawak mencatatkan nilai jualan berjumlah RM730.57 juta dengan tiga daerah utama penyumbang nilai jualan tertinggi ialah Julau sebanyak RM109.55 juta, diikuti Pakan (RM68.24 juta) dan Serian (RM64.97 juta).

Carta 9: Nilai jualan lada sepuluh daerah tertinggi di Sarawak, 2023



PENUTUP

Secara keseluruhannya, subsektor tanaman lada terus memainkan peranan strategik dalam pembangunan sosioekonomi Sarawak, dengan potensi besar untuk diperkukuhkan lagi melalui inisiatif kolaboratif dan pelaksanaan strategi pemasaran yang lebih agresif. Prestasi sektor penanaman lada di Sarawak memperlihatkan potensi besar untuk terus berkembang, dipacu oleh jumlah pengeluaran yang tinggi, kadar jualan yang memberangsangkan.

Dengan sokongan berterusan daripada agensi kerajaan, peningkatan teknologi pertanian, dan peluasan akses pasaran, industri lada berupaya menjadi salah satu pemacu utama kepada pembangunan ekonomi luar bandar dan pertanian mampan di negeri ini.



STATISTIK UTAMA PADI


PENGENALAN

Sarawak terkenal dengan kepelbagaian varieti padi tradisional antaranya seperti Bajong, Biris dan Bario yang ditanam oleh petani sejak turun temurun. Kepelbagaian varieti ini membuatkan pengeluaran padi di Sarawak adalah unik dan kebanyakan masih dilaksanakan secara tradisional. Kebanyakan penanaman padi tradisional dilakukan secara berskala kecil sebagai aktiviti sara hidup di samping meneruskan aktiviti warisan keluarga.

PEGANGAN PERTANIAN

Pada 2023, terdapat 14,394 pegangan pertanian padi di Sarawak. Lima daerah yang mencatatkan jumlah pegangan pertanian padi teratas adalah Bau dengan 1,719 pegangan pertanian, diikuti Serian (1,682), Tebedu (1,389), Sri Aman (780) dan Kapit (777).

Carta 10: Lima daerah dengan jumlah pegangan pertanian teratas, Sarawak, 2023




KELUASAN BERTANAM DAN BERTUAI

Keluasan bertanam padi di Sarawak adalah 6,256.4 hektar manakala keluasan bertuai adalah 6,158.1 hektar. Lima daerah yang merekodkan keluasan teratas di Sarawak adalah Sri Aman (527.0 hektar), Lawas (465.9 hektar), Lingga (416.9 hektar), Serian (405.4 hektar) dan Tebedu (402.3 hektar). Keluasan lima daerah ini merangkumi 35.4 peratus keluasan bertanam padi di Sarawak.

Lima daerah ini juga mencatatkan keluasan bertuai teratas di Sarawak dengan Sri Aman (501.5 hektar), Lawas (462.6 hektar), Lingga (414.5 hektar), Serian (404.3 hektar) dan Tebedu (401.0 hektar).

Carta 11: Lima daerah dengan keluasan bertanam dan keluasan bertuai (hektar) teratas, Sarawak, 2023



KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI JUALAN DAN NILAI JUALAN

Sarawak merekodkan jumlah pengeluaran padi sebanyak 11,883.6 tan metrik pada 2023. Lima daerah yang mencatatkan pengeluaran padi teratas pada 2023 adalah Lingga sebanyak 1,421.0 tan metrik diikuti dengan Tebedu (1,128.0 tan metrik), Sri Aman (1,053.3 tan metrik), Serian (811.4 tan metrik) dan Kanowit (763.6 tan metrik).

Carta 12: Lima daerah dengan kuantiti pengeluaran padi teratas (tan metrik), Sarawak, 2023



Bagi kuantiti jualan, lima daerah dengan sumbangan kuantiti jualan teratas daripada keseluruhan jumlah kuantiti jualan adalah Lingga yang menyumbang sebanyak 17.0 peratus diikuti oleh Sri Aman sebanyak 14.8 peratus, Tebedu (12.3%), Limbang (6.7%) dan Daro (5.2%).


Manakala, nilai jualan padi di Sarawak pada 2023 adalah sebanyak RM5.28 juta. Lima daerah yang menyumbang kepada nilai jualan teratas adalah Lingga sebanyak RM926.07 ribu, diikuti oleh Sri Aman (RM849.08 ribu), Limbang (RM382.46 ribu), Daro (RM298.51 ribu) dan Tebedu (RM297.98 ribu). Nilai jualan bagi kelima-lima daerah ini merangkumi 52.2 peratus bagi Sarawak.

SARA DIRI

Penanaman padi di Sarawak kebanyakan masih dilaksanakan secara tradisional dan dijalankan secara berskala kecil sebagai aktiviti sara hidup. Amalan ini lazimnya berlaku dalam kalangan pesawah yang tidak bergantung kepada aktiviti penanaman padi sebagai sumber pendapatan utama. Walaupun tidak menyumbang secara langsung kepada rantaian bekalan beras negara, golongan ini tetap memainkan peranan penting dalam menjamin kelangsungan makanan di peringkat isi rumah.

Hasil penemuan Banci Pertanian 2024 melaporkan seramai 22,728 pesawah merupakan pesawah yang menanam padi untuk kegunaan sendiri atau sara diri tanpa dijual ke pasaran. Bilangan pesawah sara diri perempuan mendahului bilangan pesawah sara diri lelaki dengan masing-masing merekodkan 11,820 perempuan dan 10,908 lelaki. Dari sudut komposisi kumpulan umur, pesawah sara diri yang berada di komposisi kumpulan umur 15-30 tahun mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 6,784 orang.

Carta 13: Jumlah pesawah padi sara diri mengikut komposisi kumpulan umur, Sarawak, 2023



PENUTUP

Sarawak berpotensi menjadi jelapang padi terbesar di Malaysia bagi mengeluarkan lebih banyak padi dan beras di negeri ini. Lingga dan Stumbin, Sri Aman telah dikenal pasti sebagai kawasan utama pengeluaran padi, selain Simunjan, Gedong dan Lundu. Sarawak mensasarkan pengeluaran padi lima musim dalam masa 24 bulan di mana bagi satu musim, pengeluaran padi bagi satu hektar boleh mengeluarkan lapan metrik tan.

STATISTIK UTAMA SAYUR - SAYURAN

PENGENALAN

Sayur-sayuran merupakan antara penyumbang kepada tanaman tidak kekal. Sayur-sayuran termasuklah sawi, cili, kekacang, timun, bayam dan lain-lain. Bagi Negeri Sarawak, terdapat seramai 6,969 pegangan pertanian sayur-sayuran dengan keluasan bertanam sejumlah 7,353 hektar dan keluasan bertuai 6,759 hektar pada tahun 2023. Kuantiti pengeluaran dan kuantiti jualan sayur-sayuran masing-masing adalah sebanyak 75,841 tan metrik dan 72,459 tan metrik pada tahun 2023. Jumlah nilai jualan dicatatkan sebanyak RM 482.25 juta. Ringkasan statistik ditunjukkan di Paparan 12.

Paparan 12: Statistik utama sayur-sayuran, Sarawak, 2023




PEGANGAN PERTANIAN

Carta 14 menunjukkan lima daerah yang mempunyai bilangan pegangan pertanian tertinggi di Sarawak iaitu Sibu dengan 942 orang, Kapit 573 orang, Kuching 483 orang, Kanowit 383 orang dan Limbang 344 orang. Pegangan pertanian bagi sayur-sayuran di Sarawak didominasi oleh pengusaha individu. Pengusaha individu biasanya mempunyai skala operasi yang lebih kecil berbanding dengan pertubuhan. Walaupun bilangan mereka ramai, jumlah pengeluaran dan nilai jualan secara individu tidak setinggi pertubuhan.



Carta 14: Lima daerah dengan bilangan pegangan pertanian tertinggi, Sarawak, 2023



KELUASAN BERTANAM DAN BERTUAI

Semua daerah di Sarawak terlibat dengan penanaman sayur-sayuran. Carta 15 memaparkan keluasan bertanam dan keluasan bertuai yang terbesar bagi lima daerah. Keluasan bertanam terbesar adalah di daerah Sibuan, yang menyumbang 18.4 peratus kepada keluasan bertanam Sarawak. Ini diikuti oleh Kuching 11.3 peratus, Serian 7.2 peratus, Sibuan 6.1 peratus dan Miri 6.0 peratus.

Carta 15: Lima daerah dengan keluasan bertanam dan keluasan bertuai terbesar (hektar), Sarawak, 2023




KUANTITI PENGELUARAN, Kuantiti Jualan dan Nilai Jualan

Daerah Sibu, Kuching, Serian, Miri dan Siburan merupakan daerah utama pengeluaran sayur-sayuran pada tahun 2023 dan telah menyumbang sebanyak 51.9 peratus kepada jumlah pengeluaran sayur-sayuran di Sarawak.

Dari segi kuantiti jualan, 52.9 peratus daripada kuantiti jualan sayur-sayuran di Sarawak pada tahun 2023 adalah dari daerah Sibu, Kuching, Serian, Miri dan Siburan.

Kelima-lima daerah ini turut menghasilkan nilai jualan tertinggi bagi sayur-sayuran pada tahun 2023 (Carta 16). Nilai jualan Sibu sebanyak RM99.58 juta, diikuti oleh Kuching RM71.70 juta, Serian RM42.78 juta, Miri RM31.72 juta dan Siburan RM23.83 juta. Keadaan ini selari dengan penduduk ramai terutamanya di daerah Sibu, Kuching dan Miri yang ada permintaan tempatan yang lebih tinggi dan infrastruktur yang baik untuk akses ke pasaran.

Carta 16: Lima daerah dengan nilai jualan tertinggi (RM juta), Sarawak, 2023



PENUTUP

Secara keseluruhannya, penanaman sayur-sayuran di Sarawak mempunyai potensi besar untuk terus berkembang dengan adanya teknologi dan pertanian moden. Usaha berterusan dan kerjasama antara pengusaha, agensi pertanian, pihak berkuasa, dan penyelidik amat penting bagi memastikan penanaman sayur-sayuran terus menghasilkan bekalan makanan yang berkualiti dan berdaya saing serta memberi impak positif kepada masyarakat dan ekonomi negeri.




STATISTIK UTAMA BUAH-BUAHAN

PENGENALAN

Sarawak memiliki iklim tropika yang ideal untuk pertanian buah-buahan seperti durian, nanas, rambutan, dan manggis, serta buah-buahan tempatan yang unik seperti dabai dan engkalak. Bagi Sarawak, terdapat seramai 9,570 pengangan pertanian buah-buahan dengan keluasan bertanam sejumlah 27,389 hektar dan keluasan bertuai 13,577 hektar pada tahun 2023. Kuantiti pengeluaran dan kuantiti jualan bagi buah-buahan adalah masing-masing 87,072 tan metrik dan 77,543 tan metrik pada tahun 2023. Jumlah nilai jualan dicatatkan sebanyak RM 341.9 juta.

Paparan 13: Statistik Utama Buah-buahan, Sarawak, 2023




PEGANGAN PERTANIAN

Dapatan Interim Banci Pertanian 2024, melihat secara keseluruhannya pegangan pertanian pada tahun 2023 adalah sebanyak 9,570 pegangan pertanian dengan 9,484 adalah pegangan pertanian individu dan 86 adalah pegangan pertanian pertubuhan. Lima daerah dengan pegangan pertanian tertinggi adalah daerah Limbang (1,071), Lawas (927), Kanowit (904), Sibu (645) dan Kuching (636).



Carta 17: Lima Daerah dengan Bilangan Pegangan Pertanian Tertinggi, Sarawak, 2023



KELUASAN BERTANAM DAN KELUASAN BERTUAI

Carta 18 memaparkan keluasan bertanam dan keluasan bertuai bagi lima daerah teratas. Keluasan bertanam terbesar adalah di daerah Limbang, yang menyumbang 10.5 peratus kepada keluasan bertanam buah-buahan Sarawak. Ini diikuti oleh Kanowit 9.9 peratus, Lawas 8.4 peratus, Kuching 7.7 peratus, manakala Song sebanyak 5.1 peratus.

Carta 18: Daerah dengan Keluasan Bertanam Terbesar dan Keluasan Bertuai, Sarawak, 2023




KUANTITI PENGELUARAN, Kuantiti Jualan dan Nilai Jualan

Daerah Kuching, Limbang, Lawas, Asajaya dan Kanowit merupakan daerah utama pengeluaran buah-buahan pada tahun 2023 dan telah menyumbang sebanyak 41.0 peratus kepada jumlah pengeluaran buah-buahan di Sarawak. Bagi kuantiti jualan daerah dengan sumbangan kuantiti jualan tertinggi adalah Kuching yang menyumbang sebanyak 10.6 peratus diikuti oleh daerah Limbang sebanyak 9.3 peratus, Lawas (8.1%), Kanowit (7.1%) dan Asajaya (5.2%).

Lima daerah teratas bagi nilai jualan buah-buahan pada tahun 2023 adalah daerah Limbang yang mencatatkan nilai yang tertinggi sebanyak RM 35.33 juta. Seterusnya, daerah dengan nilai jualan kedua tertinggi adalah Kuching sebanyak RM32.75 juta, diikuti oleh Lawas RM32.01 juta, Kanowit RM31.87 juta, dan Song RM22.48 juta.

Carta 19: Lima daerah dengan nilai jualan tertinggi, Sarawak, 2023



PENUTUP

Secara keseluruhannya, tanaman buah di Sarawak bukan sahaja berperanan sebagai sumber makanan dan pendapatan bagi penduduk setempat, tetapi juga mempunyai potensi besar untuk dikembangkan sebagai komoditi eksport. Dengan sokongan kerajaan dan usaha para petani, sektor ini dapat terus diperkasakan bagi menjana ekonomi negeri dan memperkenalkan buah-buahan tempatan ke pasaran global.



STATISTIK UTAMA TANAMAN LAIN

PENGENALAN

Kumpulan tanaman lain merujuk kepada jenis-jenis tanaman yang tidak tergolong dalam kategori tanaman makanan utama (seperti padi, jagung, ubi), tanaman industri utama (seperti kelapa sawit, getah, koko, kopi), ataupun tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran biasa. Di Sarawak, kumpulan tanaman ini lazimnya ditanam dalam skala kecil hingga sederhana dan merangkumi pelbagai jenis tanaman yang berpotensi tinggi dari segi ekonomi dan kesihatan.

Sarawak mempunyai kelebihan dari segi tanah yang luas dan pelbagai jenis tanah seperti tanah gambut, tanah berasid sulfat dan tanah aluvium yang sesuai untuk pelbagai jenis tanaman. Ini menjadikan Sarawak berpotensi besar dalam pembangunan tanaman lain merangkumi tanaman seperti kelapa, jagung, rumbia, tanaman herba dan rempah ratus, tanaman hiasan, tanaman eksotik dan bernilai tinggi serta tanaman buluh.

Kebanyakan penanaman dijalankan secara kecil-kecilan oleh petani individu atau kumpulan komuniti dengan tahap teknologi dan sistem sokongan yang terhad. Di samping itu, kumpulan tanaman lain juga kurang bergantung kepada input kimia serta berpotensi tinggi untuk pemprosesan hiliran seperti dijadikan teh herba, tepung sagu dan produk kraftangan.


Paparan 14: Statistik utama tanaman lain, Sarawak, 2023



PEGANGAN PERTANIAN

Berdasarkan data yang diperoleh daripada Banci Pertanian 2024, jumlah keseluruhan pegangan pertanian pada tahun 2023 yang terlibat dalam kumpulan tanaman lain adalah seramai 5,890 pegangan pertanian. Carta 20 menunjukkan 5 daerah dengan bilangan pegangan pertanian tertinggi didahului dengan Kuching (558 pegangan pertanian), Sibu (429 pegangan pertanian), Mukah (415 pegangan pertanian), Dalat (413 pegangan pertanian) dan Asajaya (359 pegangan pertanian).

Carta 20: Lima Daerah dengan Bilangan Pegangan Pertanian Tertinggi, Sarawak, 2023




KELUASAN BERTANAM DAN BERTUAI

Keluasan bertanam mencatatkan seluas 8,828 hektar diusahakan untuk penanaman kumpulan tersebut manakala keluasan bertuai adalah 8,664 hektar. Matu mencatatkan keluasan bertanam tertinggi di Sarawak iaitu 2,839 hektar, atau 32.2 peratus daripada keseluruhan keluasan bertanam tanaman lain di Sarawak. Ini diikuti oleh Mukah dengan 1,134 hektar (12.9%), Dalat 960 hektar (10.9%), Miri 570 hektar (6.5%), dan Asajaya 392 hektar (4.4%).

Bagi keluasan bertuai, Matu mencatatkan keluasan tertinggi iaitu 2,839 hektar iaitu 32.8 peratus daripada keseluruhan keluasan bertuai. Seterusnya diikuti oleh Mukah dan Dalat dengan masing masing mencatatkan 1,133 hektar (13.1%), dan 954 hektar (11.0%)



Carta 21: Peratusan Keluasan Bertanam mengikut Daerah, Sarawak, 2023



KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI JUALAN DAN NILAI JUALAN

Pada tahun 2023, jumlah pengeluaran mencapai sebanyak 34,878.0 tan metrik, dengan pengeluaran tertinggi direkodkan di Dalat sebanyak 5,407.2 tan metrik. Carta 22 menunjukkan 5 daerah tertinggi untuk kuantiti pengeluaran tanaman lain di Sarawak.


Carta 22: Lima Daerah dengan Kuantiti Pengeluaran Tertinggi, Sarawak, 2023



Nilai jualan keseluruhan bagi tanaman lain di Sarawak pada tahun 2023 mencecah RM90.33 juta, menggambarkan potensi besar kumpulan tanaman ini untuk menjana pendapatan kepada pengusaha tempatan serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi khususnya luar bandar.

Peratusan nilai jualan tertinggi disumbang oleh Kuching sebanyak 20.4 peratus, diikuti Miri dan Mukah masing-masing 11.6 peratus, Matu 7.7 peratus, dan Sibu 5.0 peratus.

Carta 23: Lima daerah dengan nilai jualan tertinggi, Sarawak, 2023



PENUTUP

Secara keseluruhannya, kumpulan tanaman lain terus memainkan peranan penting dalam pembangunan sektor pertanian negeri Sarawak. Dengan penyertaan lebih 5,000 pengusaha jelas menunjukkan bahawa tanaman lain bukan sekadar menyumbang kepada keterjaminan makanan, malah berpotensi tinggi dalam menjana pendapatan kepada komuniti luar bandar.



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



SUBSEKTOR TERNAKAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

8.0 PARAMETER UTAMA MENGIKUT AKTIVITI TERNAKAN


PENDAHULUAN

Aktiviti ternakan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi, sosial, dan keselamatan makanan negara. Di Sarawak, aktiviti ternakan telah diberi penekanan dalam Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 menerusi inisiatif penternakan berskala besar (*livestock area*) dan ternakan burung walit yang mampu meningkatkan produktiviti hasil ternakan untuk dieksport. Antara pencapaian yang signifikan adalah seperti *Pig Farming Area* (PFA) yang mampu mengeluarkan babi hidup berskala besar untuk dieksport ke Singapura. Pelbagai projek yang sedang dan bakal dilaksanakan oleh kerajaan secara tidak langsung akan membantu pengusaha ternakan untuk terus berkembang dalam bidang yang diceburi.


PEGANGAN PERTANIAN

Bilangan pegangan pertanian di Sarawak bagi tahun 2023 adalah seramai 2,253 pengusaha. Daerah yang mempunyai pegangan pertanian yang paling ramai adalah daerah Lawas sebanyak 543 pengusaha, diikuti oleh Limbang 408 pengusaha dan Sibu 178 pengusaha.

Carta 24: Lima daerah dengan bilangan pegangan pertanian teratas, Sarawak, 2023




Paparan 15: Profil Pegangan Pertanian Individu Subsektor Ternakan, Sarawak, 2023



KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI JUALAN DAN NILAI JUALAN TERNAKAN

Subsektor ternakan adalah meliputi ternakan hidup dan hasil ternakan. Secara keseluruhannya pada tahun 2023, kuantiti pengeluaran bagi subsektor ini mengikut pelbagai unit ukuran adalah sebanyak 326.8 ribu kilogram, 392.2 juta biji, 32.0 juta ekor dan 1.0 juta liter. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan hidup dan hasil ternakan, sebanyak 164.9 ribu kilogram, 390.4 juta biji, 16.2 juta ekor dan 0.8 juta liter telah dijual dan menyumbang kepada hasil jualan sebanyak RM714.39 juta.

Paparan 16: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Sarawak, 2023



Secara terperinci mengikut ternakan hidup, pengeluaran ternakan di Sarawak adalah sebanyak 32.0 juta ekor dan nilai jualan berjumlah RM501.00 juta. Manakala untuk ternakan yang diukur mengikut kilogram, kuantiti pengeluaran adalah sebanyak 3.3 ribu kilogram dengan nilai jualan sebanyak RM140.77 ribu. Jenis ternakan yang diliputi termasuk ayam, babi, itik, kambing, lembu, kerbau, bebiri dan lain-lain ternakan.

Paparan 17: Kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan dan nilai jualan mengikut jenis ternakan, Sarawak, 2023

									
		Ayam	Babi	Itik	Kambing	Lembu	Kerbau	Bebiri	Lain-lain Ternakan
Kuantiti Pengeluaran	Ekor ('000)	24,698.1	281.1	76.9	3.6	1.6	1.5	0.4	6,899.1
	Kg ('000)								3.3
Kuantiti Jualan	Ekor ('000)	9,009.5	249.4	71	2.6	1.0	1.3	0.3	6,860.0
	Kg ('000)								2.4
Nilai Jualan	RM ('000)	123,815.78	324,439.09	2,652.73	3,036.82	7,740.60	6,874.55	352.53	32,229.09

Ternakan babi dan ayam merupakan antara jenis ternakan yang membawa pendapatan tinggi kepada para pengusaha susulan daripada permintaan pasaran tempatan serta untuk dieksport ke negara jiran. Jumlah kuantiti jualan babi adalah sebanyak 249.4 ribu ekor dan ayam 9.0 juta ekor. Hasil jualan ternakan babi dan ayam pada tahun 2023 adalah bernilai RM324.44 juta dan RM123.82 juta, masing-masing. Antara tiga daerah utama yang mengeluarkan ternakan mengikut jenis adalah seperti berikut:

Jadual 9: Daerah utama pengeluaran ternakan, Sarawak, 2023

Daerah Utama	Ayam	Babi	Itik	Kambing	Lembu	Kerbau	Bebiri
1	Sibu	Serian	Sarikei	Sibu	Sibu	Limbang	Mukah
2	Miri	Kuching	Belaga	Miri	Serian	Lawas	Asajaya
3	Lingga	Sibu	Sibu	Asajaya	Bintulu	Miri	Bintulu

TERNAKAN

KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI JUALAN DAN NILAI JUALAN HASILAN TERNAKAN

Untuk hasil ternakan, telur ayam/ itik dan susu segar merupakan hasil utama. Manakala lain-lain hasil ternakan merangkumi sarang burung walet, madu/ kelulut dan sebagainya. Sarawak telah mengeluarkan sebanyak 392.1 juta biji telur ayam/ itik dan 1.0 juta liter susu segar pada tahun 2023. Kuantiti jualan untuk telur ayam/ itik adalah sebanyak 390.2 juta biji dan susu segar sebanyak 0.8 juta liter. Ini menyumbang kepada nilai jualan sebanyak RM183.82 juta untuk telur ayam/ itik dan RM8.45 juta untuk susu segar. Manakala untuk lain-lain hasil ternakan, kuantiti pengeluarannya adalah sebanyak 0.2 juta biji dan 0.3 juta kilogram. Jumlah nilai jualan daripada lain-lain hasil ternakan adalah sebanyak RM20.98 juta.

Paparan 18: Kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan dan nilai jualan mengikut hasil ternakan, Sarawak, 2023

			
	Telur Ayam/ Itik	Susu Segar	Lain-lain Hasil Ternakan
Kuantiti Pengeluaran	392.1 juta biji	1.0 juta liter	0.2 juta biji
			0.3 juta kg
Kuantiti Jualan	390.2 juta biji	0.8 juta liter	0.2 juta biji
			0.2 juta kg
Nilai Jualan (RM '000)	183,823.47	8,454.38	20,975.66

GUNA TENAGA

Pada tahun 2023, guna tenaga dalam subsektor ternakan di Sarawak merekodkan penyertaan seramai 7,191 orang yang terlibat secara langsung dalam aktiviti penternakan. Daripada jumlah ini, sebanyak 67.2 peratus merupakan guna tenaga dari pegangan pertubuhan, manakala 32.8 peratus terdiri daripada pegangan individu.

Paparan 19: Guna Tenaga Subsektor Ternakan, Sarawak, 2023



Sementara itu, kategori pekerja bergaji merekodkan jumlah dominan dengan sumbangan 66.8 peratus iaitu 4,806 orang kepada jumlah guna tenaga subsektor ternakan Sarawak. Bagi kategori guna tenaga pemilik & rakan niaga yang aktif pula berada di tempat kedua sumbangan, dengan 22.1 peratus (1,588 orang), diikuti seterusnya oleh kategori pekerja keluarga tanpa gaji, 11.1 peratus (797 orang).

Kepelbagaian kategori guna tenaga yang terlibat dalam subsektor ternakan adalah penting dalam memastikan kelangsungan dan keberkesanan rantai bekalan produk ternakan serta hasil ternakan. Penglibatan pemilik dan rakan niaga yang aktif memainkan peranan utama dalam aspek perancangan, pelaburan dan pengurusan ladang secara langsung. Sementara itu, pekerja bergaji dan pekerja keluarga tanpa gaji menyumbang kepada kelancaran operasi harian termasuk penjagaan ternakan, penyelenggaraan fasiliti serta pelaksanaan amalan penternakan baik.

PENUTUP

Secara keseluruhannya, beberapa jenis ternakan dan hasil ternakan adalah berpotensi berkembang ke arah pengkomersilan bagi daerah-daerah tertentu. Dengan pelbagai inisiatif dan bantuan kerajaan yang disalurkan kepada pengusaha tempatan, sektor ternakan di Sarawak mampu berkembang menjadi sektor utama dalam mencapai hasrat negeri menjadi pengeksport produk makanan menjelang tahun 2030.



SUBSEKTOR PERIKANAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

9.0 PARAMETER UTAMA MENGIKUT AKTIVITI PERIKANAN

9.1 PERIKANAN TANGKAPAN

PENDAHULUAN

Subsektor perikanan di Sarawak merupakan salah satu komponen penting dalam sektor pertanian Sarawak dan menyumbang kepada keselamatan makanan, sumber pendapatan penduduk, serta pembangunan ekonomi terutama penduduk luar bandar. Subsektor ini boleh dibahagikan kepada tiga komponen utama iaitu perikanan tangkapan, perikanan darat dan akuakultur.

BILANGAN PEGANGAN PERTANIAN


Berdasarkan penemuan Bangci Pertanian tahun rujukan 2023 subsektor perikanan tangkapan Sarawak mencatatkan sebanyak 4,481 pegangan pertanian terdiri daripada 4,465 (99.6%) pegangan pertanian individu dan 16 (0.4%) pegangan pertanian pertubuhan. Pegangan pertanian perikanan tangkapan laut mencatatkan sebanyak 3,405 pegangan pertanian (76.0 %), diikuti Zon Darat sebanyak 1,076 pegangan pertanian (24.0%).

Lima daerah yang mempunyai pegangan pertanian tertinggi adalah Daro sebanyak 663 pegangan pertanian, diikuti Lawas 636, Kuching 467, Tanjung Manis 311 dan Matu 275.


Paparan 20: Bilangan pegangan pertanian mengikut zon, Sarawak, 2023



Carta 25: Lima daerah teratas pegangan pertanian perikanan tangkapan, Sarawak, 2023



Paparan 21: Profil Pegangan Pertanian Individu Perikanan Tangkapan,
Sarawak, 2023




KUANTITI PENGELUARAN


Kuantiti pengeluaran perikanan tangkapan merekodkan sebanyak 96,686 tan metrik pada tahun 2023. Kuantiti pengeluaran perikanan bagi zon laut mencatatkan sebanyak 95,631 tan metrik (98.9%) manakala zon darat sebanyak 1,055 tan metrik (1.1%).

Kuantiti pengeluaran tertinggi perikanan tangkapan direkodkan di daerah Daro sebanyak 12,758.1 tan metrik (13.2%), diikuti Kuching 12,088.1 tan metrik (12.5%), Subis 9,798.1 tan metrik (10.1%), Tatau 9,663.8 tan metrik (10.0%) dan Tanjung Manis 6,660.4 tan metrik (6.9%).


Paparan 22: Kuantiti pengeluaran mengikut zon, Sarawak, 2023



Carta 26: Lima daerah tertinggi kuantiti pengeluaran tangkapan Sarawak, 2023




Paparan 23: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Sarawak, 2023



KUANTITI DAN NILAI JUALAN


Subsektor perikanan tangkapan mencatatkan kuantiti jualan sebanyak 76,867 tan metrik dengan nilai jualan sebanyak RM528.31 juta pada tahun 2023. Zon laut merekodkan kuantiti jualan sebanyak 75,822 tan metrik dengan nilai jualan sebanyak RM481.50 juta. Zon darat mencatatkan sebanyak 1,045 tan metrik dengan nilai jualan RM46.81 juta.

Paparan 24: Kuantiti jualan dan nilai jualan mengikut zon, Sarawak, 2023



Daerah Daro turut mencatatkan nilai jualan tertinggi perikanan tangkapan sebanyak RM76.04 juta diikuti Kuching RM60.04 juta, Subis RM47.83 juta, Tatau RM45.89 juta dan Lawas RM33.54 juta.

Carta 27: Lima daerah tertinggi nilai jualan perikanan tangkapan Sarawak, 2023



PERIKANAN

GUNA TENAGA

Penglibatan guna tenaga subsektor perikanan Sarawak adalah seramai 11,948 orang. Daripada jumlah ini, 97.6 peratus iaitu 11,665 orang adalah penyertaan dalam kategori pegangan pertanian individu dan 2.4 peratus (283 orang) adalah penyertaan pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 25: Guna Tenaga Subsektor Perikanan, Sarawak, 2023



Dari segi pecahan kategori guna tenaga pula, pekerja bergaji merekodkan penyertaan dominan dengan 5,747 orang (48.1%), diikuti pemilik & rakan niaga yang aktif seramai 4,481 orang (37.5%) dan pekerja keluarga tanpa gaji, 1,720 orang (14.4%).

Secara keseluruhannya, penglibatan tinggi dalam struktur guna tenaga pegangan pertanian individu menunjukkan bahawa subsektor perikanan kekal sebagai antara sumber pendapatan utama penduduk setempat, khususnya di kawasan luar bandar. Kebergantungan kepada aktiviti pertanian berskala kecil ini memperlihatkan peranan penting yang dimainkan oleh isi rumah dalam menjana ekonomi keluarga serta secara tidak langsung menyokong keseluruhan rantaian pertanian negeri Sarawak.

PENUTUP


Sarawak mempunyai potensi besar dalam pengeluaran hasil perikanan berikutan kekayaan sumber semula jadinya, di samping dasar dan inisiatif berterusan kerajaan dalam membangunkan serta menyediakan fasiliti berkaitan sektor ini. Menerusi inisiatif-inisiatif ini, Sarawak bukan sahaja mampu meningkatkan hasil pengeluaran sektor perikanan, malah turut berupaya menjadi pemangkin kepada pembangunan industri hiliran perikanan yang lebih moden, berdaya saing dan berimpak tinggi.

9.2 AKUAKULTUR

PENDAHULUAN

Berdasarkan Banci Pertanian 2024, bilangan pegangan pertanian yang terlibat dengan aktiviti akuakultur di Sarawak pada tahun 2023 adalah 610 pegangan pertanian yang melibatkan jumlah keluasan 306 hektar. Jumlah kuantiti pengeluaran direkodkan adalah 14.1 ribu tan metrik dan 11.0 juta ekor spesis. Kuantiti jualan melibatkan 13.5 ribu tan metrik dan 10.8 juta ekor dengan nilai jualan keseluruhan mencecah RM133.42 juta. Ringkasan statistik ditunjukkan di Paparan 26.


Paparan 26: Statistik Utama Akuakultur, Sarawak, 2023




PEGANGAN PERTANIAN

Carta 28 menunjukkan lima daerah yang mempunyai bilangan pegangan pertanian akuakultur tertinggi iaitu daerah Lawas, Kanowit, Sibul, Limbang dan Kuching yang mana lima daerah terbabit menyumbang 38.4 peratus daripada jumlah pegangan pertanian akuakultur di Sarawak. Bagi lima daerah yang mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi, daerah Lawas menyumbang 9.0 peratus, diikuti Kanowit (7.9%), Sibul (7.7%), Limbang (7.2%) dan Kuching (6.6%).

Carta 28: Lima daerah dengan bilangan pegangan pertanian , Sarawak, 2023




Paparan 27: Profil Pegangan Pertanian Individu Subsektor Akuakultur, Sarawak, 2023



KELUASAN AKUAKULTUR

Jumlah keluasan bagi subsektor akuakultur di Sarawak adalah 306 hektar. Carta 29 memaparkan lima daerah yang mempunyai keluasan tertinggi bagi subsektor akuakultur di Sarawak. Walau bagaimanapun, sumbangan kelima-lima daerah ini terhadap keseluruhan jumlah keluasan subsektor agak kecil iaitu hanya 1.3 peratus. Kuching merupakan daerah yang merekodkan sumbangan tertinggi iaitu 133 hektar diikuti Sibu dengan 37 hektar, Serian (25 hektar), Bau (21 hektar) dan Saratok (17 hektar).

Carta 29: Lima daerah mempunyai keluasan (hektar) tertinggi , Sarawak, 2023



KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI JUALAN DAN NILAI JUALAN AKUAKULTUR


Jumlah kuantiti pengeluaran yang dicatatkan oleh subsektor akuakultur di Sarawak adalah 14.1 ribu tan metrik dan 11.0 juta ekor spesis. Carta 30 menunjukkan Kuching merupakan daerah yang mencatatkan jumlah pengeluaran tertinggi iaitu 10,151.6 tan metrik diikuti oleh Bau (1,085.6 tan metrik), Samarahan (484.6 tan metrik), Miri (318.4 tan metrik) dan Daro (315.5 tan metrik).

Carta 30: Lima daerah dengan jumlah pengeluaran (tan metrik) tertinggi, Sarawak, 2023




Sementara itu, Carta 31 menunjukkan kuantiti pengeluaran (ekor) yang mana Kuching juga merekodkan daerah yang menghasilkan pengeluaran tertinggi iaitu 6.9 juta ekor (63.6%) daripada kuantiti pengeluaran keseluruhan berjumlah 11.0 juta ekor, diikuti oleh Serian (22.7%), Bau (7.0%), Subis (6.6%) dan Kanowit (0.02%).

Carta 31: Lima daerah dengan jumlah pengeluaran (ekor) tertinggi, Sarawak, 2023




Jumlah kuantiti jualan bagi subsektor akuakultur mencatatkan 24.3 juta merangkumi 13.5 juta kilogram dan 10.8 juta ekor spesis. Carta 4.2.5 menunjukkan Kuching merupakan daerah yang mencatatkan kuantiti jualan tertinggi iaitu 9,793.3 tan metrik diikuti oleh Bau (1,082.0 tan metrik), Samarahan (482.7 tan metrik), Miri (303.2 tan metrik) dan Daro (287.8 tan metrik).

Carta 32: Lima daerah dengan kuantiti jualan (tan metrik) tertinggi, Sarawak, 2023



Carta 33 menunjukkan Kuching merupakan daerah yang mencatatkan kuantiti jualan tertinggi (ekor) iaitu 63.4 peratus diikuti oleh Serian (23.1%); Subis (6.7%); Bau (6.7%); dan Kanowit (0.1%).

Carta 33: Lima daerah dengan kuantiti jualan (ekor) tertinggi, Sarawak, 2023




Pada tahun 2023, jumlah nilai jualan bagi subsektor akuakultur di Sarawak mencatatkan RM133.42 juta. Carta seterusnya menunjukkan daerah Kuching mencatatkan sumbangan tertinggi bagi nilai jualan iaitu 48.1 peratus diikuti Bau (9.8%), Serian (9.4%), Miri (5.6%) dan Samarahan (5.4%).

Carta 34: Lima daerah dengan nilai jualan (RM juta) tertinggi, Sarawak, 2023



Paparan 28: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Sarawak, 2023



GUNA TENAGA

Terdapat 2,474 orang direkodkan dalam guna tenaga subsektor akuakultur Sarawak tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 93.8 peratus atau 2,323 orang terdiri daripada kategori pegangan pertanian individu, manakala selebihnya melibatkan 151 orang di bawah pegangan pertubuhan.

Paparan 29: Guna Tenaga Subsektor Akuakultur, Sarawak, 2023



Dari segi pecahan, sebahagian besar guna tenaga adalah pemilik & rakan niaga yang aktif iaitu seramai 1,196 orang, diikuti 809 orang dari pekerja keluarga tanpa gaji dan pekerja bergaji, 469 orang.

Penyertaan tinggi guna tenaga dalam pegangan pertanian individu Sarawak menunjukkan wujudnya penyertaan aktif di peringkat komuniti, di mana antaranya bertindak sebagai sumber pendapatan alternatif untuk menjana ekonomi komuniti pesisir dan luar bandar. Hal ini juga dapat menyokong usaha mengekalkan kelestarian sumber protein di samping mengurangkan kebergantungan kepada aktiviti perikanan tangkapan pada masa hadapan.

PENUTUP

Sarawak mempunyai potensi besar dalam subsektor akuakultur bagi menjana pendapatan negara menerusi eksport hasil akuakultur. Ini kerana Sarawak mempunyai kawasan perairan yang panjang (kira-kira 1,000 kilometer) selain kawasan diliputi air yang luas iaitu lebih kurang 150.0 ribu hektar. Kepentingan subsektor akuakultur ini dapat turut ditekankan di bawah Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 Sarawak (PCDS) 2030.



SUBSEKTOR PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

10.0 PARAMETER UTAMA MENGIKUT AKTIVITI PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN

PENDAHULUAN

Pada tahun 2023, Kerajaan Negeri Sarawak telah menyatakan hasrat dan komitmen yang tinggi di dalam pemuliharaan hutan dan mengurangkan pembalakan haram. Kerajaan negeri berjaya mengekalkan 7.65 juta hektar kawasan hutan, yang meliputi 62% dari jumlah luas Sarawak. Ini menjadikannya penyumbang terbesar terhadap litupan hutan di Malaysia dengan sumbangan 42.4% dari jumlah 18.05 juta hektar hutan di negara ini. Sektor pertanian, termasuk subsektor perhutanan dan pembalakan, menyumbang 10.6% atau kira-kira RM15 bilion kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Sarawak bagi tahun 2023. Subsektor ini turut mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2.2% berbanding tahun sebelumnya.


Hasil dapatan Banci Pertanian yang dilaksanakan pada tahun 2024 (tahun rujukan 2023) secara keseluruhannya bagi subsektor perhutanan dan pembalakan dibahagikan kepada 4 statistik utama iaitu bilangan pegangan pertanian, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan dan nilai jualan.

PEGANGAN PERTANIAN

Pegangan pertanian yang dipaparkan di dalam laporan interim ini adalah meliputi pegangan pertanian individu dan pertubuhan yang menjalankan aktiviti perhutanan dan pembalakan untuk tujuan jualan. Pegangan pertanian bagi aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi atau alamat pertubuhan yang terlibat di dalam aktiviti perhutanan. Manakala pegangan pertubuhan bagi aktiviti pembalakan adalah merujuk kepada lokasi pembalakan.

Sebanyak 477 pegangan pertanian individu dan pertubuhan telah direkodkan di Sarawak telah terlibat di dalam subsektor ini iaitu seramai 362 pegangan pertanian individu dan 115 pula adalah pegangan pertanian pertubuhan. Sarawak telah mencatatkan kuantiti pengeluaran sebanyak 151.7 ribu kilogram bagi aktiviti perhutanan bukan kayu dan 1.8 juta meter padu bagi aktiviti pembalakan pada tahun 2023. Secara keseluruhannya, Sarawak telah mencatatkan nilai jualan sebanyak RM1.52 billion pada tahun 2023 bagi subsektor perhutanan dan pembalakan.

Paparan 30: Profil Pegangan Pertanian Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Sarawak, 2023




KUANTITI PENGELUARAN , KUANTITI JUALAN DAN NILAI JUALAN

Pegangan pertanian individu merekodkan kuantiti pengeluaran bagi aktiviti perhutanan bukan kayu pada tahun 2023 adalah sebanyak 151.7 ribu kilogram dengan 89.9 peratus adalah dijual. Manakala pegangan pertanian individu yang terlibat dengan aktiviti pembalakan pula mencatatkan kuantiti pengeluaran sebanyak 15.0 ribu meter padu dengan peratusan jualan adalah sebanyak 92 peratus.

Pegangan pertanian individu bagi aktiviti bukan kayu mencatatkan nilai jualan sebanyak RM1.14 juta pada tahun 2023 dan sebanyak RM1.25 juta telah dicatatkan bagi aktiviti pembalakan oleh pegangan pertanian individu.

Pegangan pertanian pertubuhan merekodkan kuantiti pengeluaran bagi aktiviti pembalakan pada tahun 2023 adalah sebanyak 1.7 juta meter padu dengan kuantiti jualan adalah sebanyak 1.7 juta meter padu iaitu 98.7 peratus adalah dijual. Pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM1.52 billion pada tahun 2023.

Paparan 31: Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Sarawak, 2023



* Nota:

1. Analisa pada 28 Mei 2025
2. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
3. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.
4. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunapakai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

GUNA TENAGA

Jumlah keseluruhan guna tenaga yang terlibat dalam subsektor Perhutanan dan Pembalakan di Sarawak adalah seramai 7,718 orang. Daripada jumlah ini, 87.5 peratus bersamaan 6,756 orang adalah penyertaan guna tenaga kategori pegangan pertanian pertubuhan. Manakala, 12.5 peratus iaitu 962 orang pula adalah guna tenaga di bawah pegangan individu.

Paparan 32: Guna Tenaga Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Sarawak, 2023



Dari sudut pecahan kategori guna tenaga, pekerja bergaji mencatatkan penyertaan dominan dengan 89.1 peratus (6,877 orang), diikuti pemilik & rakan niaga yang aktif, 544 orang dan pekerja keluarga tanpa gaji, 297 orang.

Dapatan menunjukkan susbektor Perhutanan dan Pembalakan turut menjadi penyumbang kepada struktur guna tenaga sektor pertanian di Sarawak, ditambah dengan adaptasi mekanisasi jentera dalam pengoperasian pengeluaran produk berasaskan kayu kayan, antara yang menjadi pemangkin penyertaan guna tenaga pekerja bergaji dalam industri ini.

PENUTUP

Usaha Kerajaan Negeri Sarawak dalam mengawal selia pengurusan perhutanan dan kelestarian serta penguatkuasaan undang-undang dapat dilihat mengekalkan kemampanan Subsektor perhutanan dan pembalakan di Sarawak pada masa akan datang.



BAHAGIAN PENTADBIRAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Bahagian Kuching yang merupakan pusat pentadbiran negeri Sarawak terdiri daripada tiga daerah pentadbiran iaitu Kuching, Bau dan Lundu. Terletak di barat daya Sarawak, Bahagian Kuching bersempadan dengan Bahagian Samarahan dan Serian serta menghadap Laut China Selatan di sebelah barat. Dengan keluasan sekitar 4,109 kilometer persegi, ia merupakan antara bahagian terawal yang diwujudkan pada 1 Jun 1873.

Berasal daripada sebuah penempatan perdagangan kecil di muara Sungai Sarawak, Kuching merupakan ibu negeri Sarawak dan daerah utama dalam Bahagian Kuching telah mengalami transformasi yang ketara, terutamanya selepas era pemerintahan Brooke dan kemerdekaan melalui Malaysia pada tahun 1963. Kini, Kuching berkembang sebagai pusat pentadbiran, komersial, pelancongan dan pendidikan di Sarawak. Infrastruktur moden seperti lapangan terbang antarabangsa, institusi pengajian tinggi, hospital pakar dan kawasan perindustrian telah mendorong pertumbuhan ekonomi yang seimbang antara sektor perkhidmatan, pelancongan, dan perdagangan.

Kedudukan strategik di pesisir serta kemampuannya sebagai pusat pentadbiran dan ekonomi menjadikan Kuching nadi utama dalam perancangan pembangunan wilayah barat Sarawak.



Terdapat beberapa taman negara seperti Taman Negara Bako, Taman Negara Kubah, dan Taman Negara Santubong yang menarik untuk dilawati di Kuching.

SUMBANGAN NILAI JUALAN MENGIKUT SUBSEKTOR PERTANIAN

Paparan 33: Nilai Jualan Mengikut Subsektor Pertanian Bahagian Kuching, 2023

		BAHAGIAN KUCHING		
		Bau	Kuching	Lundu
	Akuakultur (RM'000)	13,094.55	64,155.70	9,000.93
	Perhutanan & Pembalakan (RM'000)	9.00	250,714.64	85.56
	Perikanan (RM'000)	-	60,043.18	22,806.16
	Tanaman (RM'000)	243,176.34	253,080.27	512,693.83
	Ternakan (RM'000)	11,887.02	89,926.76	4,667.09

Bahagian Kuching telah menyumbang 6.5 peratus kepada pertanian Sarawak dengan nilai jualan hasil pertanian sebanyak RM1.54 bilion tahun 2023. Tanaman merupakan subsektor dominan bagi sektor pertanian Bahagian Kuching dengan sumbangan 65.7 peratus (RM1.01 bilion), diikuti Perhutanan & Pembalakan, 16.3 peratus (RM250.81 juta), Ternakan, 6.9 peratus (RM106.48 juta); Akuakultur, 5.6 peratus (RM86.25 juta) dan Perikanan, 5.4 peratus (RM82.85 juta). Pecahan sumbangan mengikut daerah adalah seperti di Paparan 33.

SUBSEKTOR PERTANIAN TERPILIH

TANAMAN KELAPA SAWIT TANAMAN DOMINAN BAHAGIAN KUCHING

Tanaman kelapa sawit kekal sebagai komoditi dominan subsektor tanaman di Bahagian Kuching. Bahagian ini secara keseluruhan telah merekodkan nilai jualan kelapa sawit sebanyak RM763.62 juta, mewakili 4.1 peratus daripada keseluruhan nilai jualan negeri Sarawak tahun 2023. Aktiviti ini juga merupakan penyumbang utama dalam aktiviti sektor pertanian di Bahagian Kuching dengan catatan 65.7 peratus sumbangan daripada keseluruhan sektor.

Dari aspek pengeluaran tan metrik buah tandan segar, Daerah Pentadbiran Lundu direkodkan sebagai pengeluar tertinggi dengan jumlah 581.1 ribu (62.4%), diikuti Bau 248.0 ribu (26.6%) dan Kuching dengan 101.8 ribu (10.9%).

Pengeluaran buah tandan segar sebahagian besar disumbang oleh pegangan pertanian pertubuhan merangkumi **75.8 peratus** manakala pegangan pertanian individu menyumbang 24.2 peratus.



PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN JANA EKONOMI BAHAGIAN KUCHING

Secara keseluruhan, pada tahun 2023, perhutanan dan pembalakan Bahagian Kuching mencatatkan sumbangan 16.5 peratus kepada subsektor perhutanan dan pembalakan Sarawak.

Nilai jualan sumbangan aktiviti pembalakan bagi penghasilan meter padu produk berasaskan kayu kayan direkodkan hampir 99.9 peratus. Manakala, aktiviti perhutanan bukan kayu turut menyumbang dengan peratusan kurang dari satu peratus kepada subsektor ini.

Dari segi pegangan pertanian, Bahagian Kuching memperlihatkan tumpuan yang lebih besar kepada pegangan pertubuhan. Keadaan ini selaras dengan ketersediaan teknologi, infrastruktur serta tenaga kerja yang lebih cekap, sekali gus menyokong pertumbuhan positif subsektor ini di kawasan berkenaan.



Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.

Bahagian Samarahan merupakan salah satu daripada 12 bahagian pentadbiran di negeri Sarawak. Ia terletak di bahagian barat daya Sarawak dan pada asalnya merupakan sebahagian daripada bahagian Kuching sebelum diisytiharkan sebagai bahagian pentadbiran yang berasingan pada tahun 1986. Terletak di sebelah tenggara Kuching, bahagian ini memainkan peranan penting sebagai kawasan yang sedang pesat membangun dari segi pendidikan, pentadbiran dan perumahan.

Pusat pentadbiran bahagian Samarahan terletak di Kota Samarahan. Bahagian ini terdiri daripada lima daerah iaitu daerah Samarahan, Asajaya, Simunjan, Gedong dan Sebuyau. Daerah Gedong dan Sebuyau telah diwartakan sebagai daerah pada tahun 2022. Dua daerah ini asalnya sebahagian daripada daerah Simunjan.

Dari segi sektor pertanian, pada sekitar tahun 1950-an sehingga 1980-an bahagian Samarahan pernah menjadi salah satu kawasan utama pengeluaran kelapa di Sarawak. Aktiviti penanaman kelapa dijalankan secara tradisional dan merupakan sumber pendapatan utama bagi kebanyakan penduduk kampung. Namun sekitar tahun 1990-an kelapa di Samarahan telah mengalami kemerosotan pengeluaran. Faktor kemerosotan ini antaranya disebabkan oleh serangan penyakit dan serangga perosak, hasil tuaian yang tidak menguntungkan dan peralihan kepada tanaman alternatif seperti kelapa sawit. Perubahan ekonomi dan pembangunan pesat di Kota Samarahan menyebabkan ramai penduduk beralih ke sektor perkhidmatan dan pendidikan.

SUMBANGAN NILAI JUALAN MENGIKUT SUBSEKTOR PERTANIAN

Paparan 34: Nilai Jualan Mengikut Subsektor Pertanian Bahagian Samarahan, 2023

		 BAHAGIAN SAMARAHAN				
		Asajaya	Gedong	Samarahan	Sebuyau	Simunjan
	Akuakultur (RM'000)	2,537.39	32.73	7,227.27	41.64	-
	Perhutanan & Pembalakan (RM'000)	-	-	135.12	-	-
	Perikanan (RM'000)	20,729.68	437.21	4,244.64	20,565.59	1,342.83
	Tanaman (RM'000)	96,560.08	26,540.27	425,921.32	40,228.88	582,441.64
	Ternakan (RM'000)	4,434.22	147.31	3,122.62	196.76	205.65

Bahagian Samarahan telah menyumbang 5.2 peratus kepada pertanian Sarawak dengan nilai jualan hasil pertanian sebanyak RM1.24 bilion pada tahun 2023. Tanaman merupakan subsektor dominan bagi sektor pertanian bahagian Samarahan dengan sumbangan 94.7 peratus (RM1.17 bilion), diikuti Perikanan 3.8 peratus (RM47.32 juta), Akuakultur 0.8 peratus (RM9.84 juta), Ternakan 0.7 peratus (RM8.11 juta) dan Perhutanan & Pembalakan 0.01 peratus (RM135.12 ribu). Pecahan sumbangan mengikut daerah adalah seperti di Paparan 34.

SUBSEKTOR PERTANIAN TERPILIH

TANAMAN NANAS TANAMAN DOMINAN BAHAGIAN SAMARAHAN

Bahagian Samarahan memang dikenali sebagai pengeluar utama nanas di Sarawak kerana mempunyai tanah gambut dan tanah mineral yang sangat sesuai untuk penanaman nanas. Ini menjadikan aktiviti penanaman nanas semakin berkembang di daerah-daerah dalam bahagian ini. Justeru itu, Samarahan menyumbang peratusan tertinggi nilai jualan iaitu 26.0 peratus.

Hasil jualan nanas yang tertinggi bagi daerah-daerah di bahagian Samarahan ialah Samarahan, 79.9 peratus (RM38.46 juta), Asajaya 13.0 peratus (RM6.26 juta), Sebuyau, 3.6 peratus (RM1.74 juta); Gedong, 1.9 peratus (RM917.47 ribu) dan Simunjan, 1.5 peratus (RM738.16 ribu).

Tanah bris dan tanah gambut yang terdapat di Samarahan sesuai untuk penanaman nanas, terutama varieti seperti MD2, Josapine, dan Moris. Iklim tropika dengan taburan hujan yang seimbang juga menyokong pertumbuhan tanaman ini.



KELAPA SAWIT SEBAGAI PENYUMBANG UTAMA HASIL PERTANIAN DI BAHAGIAN SAMARAHAN

Walaupun nilai jualan kelapa sawit di bahagian Samarahan berada pada kedudukan keenam tertinggi di Sarawak namun tanaman ini menyumbang 79.3 peratus (RM981.36 juta) hasil jualan keseluruhan pertanian untuk bahagian ini. Ini diikuti hasil jualan tanaman lada 4.2 peratus (RM51.96 juta), nanas 3.9 peratus (RM48.12 juta), perikanan 3.8 peratus (RM47.32 juta) dan sayur-sayuran 2.7 peratus (RM32.92 juta).

Daerah Simunjan mencatatkan nilai jualan kelapa sawit tertinggi di Bahagian Samarahan, iaitu sebanyak RM546.12 juta atau 55.6 peratus daripada jumlah keseluruhan. Ini menunjukkan bahawa Simunjan merupakan kawasan utama pengeluaran dan pemasaran kelapa sawit di bahagian ini. Ini diikuti daerah Samarahan, 34.4 peratus (RM337.47 juta), menunjukkan sumbangan yang juga signifikan kepada industri kelapa sawit. Seterusnya Asajaya 6.8 peratus (RM66.74 juta) yang menunjukkan aktiviti pengeluaran berskala kecil. Manakala Sebuyau hanya menyumbang 1.9 peratus (RM18.49 juta) dan Gedong pula paling rendah, dengan nilai jualan sebanyak 1.3 peratus (RM12.54 juta).

Bahagian Serian diisytiharkan sebagai bahagian ke-12 dalam negeri Sarawak pada tahun 2015. Bahagian ini merangkumi Daerah Serian, Tebedu dan Siburan yang meliputi keluasan 2,819 kilometer persegi dengan pusat pentadbiran terletak di Daerah Serian. Bahagian Serian terletak di selatan Sarawak dan bersempadan dengan Negara Indonesia, khususnya wilayah Kalimantan Barat. Salah satu pintu masuk utama antarabangsa di Serian ialah di kawasan Tebedu, yang merupakan pos sempadan penting antara Malaysia dan Indonesia. Berdasarkan penemuan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020, etnik majoriti di Bahagian Serian ialah Bidayuh, Iban dan Cina.

Transformasi pembangunan yang pesat di bahagian ini kerana kedudukan strategik selain mudah diakses menjadikan bahagian Serian sebagai hab bagi pertumbuhan sosioekonomi.


Bahagian Serian dikenali sebagai antara kawasan yang giat mengusahakan sektor pertanian, terutamanya dalam penanaman lada hitam, kelapa sawit, sayur-sayuran serta bidang penternakan.



Kedudukan Serian di sepanjang jajaran Lebuhraya Pan Borneo yang menjadi laluan utama ke utara Sarawak serta berhampiran dengan sempadan Malaysia-Indonesia (Kalimantan), menjadikannya sebuah kawasan yang strategik dari segi ekonomi

SUMBANGAN NILAI JUALAN MENGIKUT SUBSEKTOR PERTANIAN

Paparan 35: Nilai Jualan Mengikut Subsektor Pertanian Bahagian Serian, 2023

		BAHAGIAN SERIAN		
		Serian	Siburan	Tebedu
	Akuakultur (RM'000)	11,547.28	15.75	956.03
	Perhutanan & Pembalakan (RM'000)	-	-	0.90
	Perikanan (RM'000)	521.03	-	-
	Tanaman (RM'000)	741,481.61	34,343.71	92,276.57
	Ternakan (RM'000)	330,076.99	174.21	53.95

Bahagian Serian menyumbang 5.1 peratus kepada pertanian Sarawak dengan nilai jualan hasil pertanian sebanyak RM1.21 bilion tahun 2023. Tanaman merupakan subsektor dominan bagi sektor pertanian bahagian Serian dengan sumbangan 71.7 peratus (RM868.10 juta), diikuti Ternakan, 27.3 peratus (RM330.31 juta) dan Akuakultur 1.0 peratus (RM12.52 juta). Pecahan sumbangan mengikut daerah adalah seperti di Paparan 35.

SUBSEKTOR PERTANIAN TERPILIH

KELAPA SAWIT MENDAHULUI SEBAGAI PENYUMBANG UTAMA HASIL PERTANIAN BAHAGIAN SERIAN

Tanaman kelapa sawit menjadi penyumbang tertinggi nilai jualan subsektor tanaman di bahagian Serian sebanyak RM638.88 juta dengan sumbangan 3.41 peratus kepada keseluruhan nilai jualan kelapa sawit Sarawak pada tahun 2023. Aktiviti ini juga merupakan penyumbang utama dalam aktiviti sektor pertanian di bahagian Serian dengan sumbangan 52.4 peratus daripada keseluruhan sektor.

Sementara itu, nilai jualan tertinggi peringkat daerah dicatatkan oleh daerah Serian sebanyak RM608.25 atau 95.8 peratus, diikuti Tebedu sebanyak RM23.38 juta atau 3.7 peratus dan Siburan sebanyak RM 3.24 juta atau 0.5 peratus.

Dari aspek pengeluaran buah tandan segar, daerah Serian direkodkan sebagai pengeluar tertinggi dengan jumlah 750.6 ribu tan metrik (95.7%), diikuti Tebedu 29.9 ribu tan metrik (3.8%) dan Siburan 4.1 ribu tan metrik (0.5%)

TERNAKAN MENJADI SUBSEKTOR KEDUA TERTINGGI NILAI JUALAN BAHAGIAN SERIAN

Subsektor Ternakan mencatatkan nilai jualan kedua tertinggi di bahagian Serian dengan nilai RM330.31 atau 46.2 peratus sumbangan kepada keseluruhan nilai jualan ternakan Sarawak tahun 2023. Daerah Serian merekodkan nilai jualan tertinggi sebanyak RM330.08 juta (99.9%) dan Siburan sebanyak RM0.17 juta (0.1%).

Kemudahan jalan raya dan infrastruktur yang lebih baik membuka lebih banyak peluang untuk merencanakan aktiviti pertanian, khususnya dalam memudahkan pengangkutan hasil tani serta akses ke kawasan luar bandar.

Selain itu, rancangan kerajaan negeri untuk memusatkan aktiviti ternakan, seperti mewujudkan Kawasan Ternakan Babi Berpusat (PFA) di Pasir Putih, Serian, menjadikan Serian sebagai salah satu pengeluar utama hasil ternakan khinzir di negeri ini. PFA Pasir Putih bertujuan untuk mengintegrasikan industri penternakan khinzir secara moden dan berpusat untuk memindahkan semua ladang khinzir di bahagian Kuching dan Samarahan untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar.



Pembangunan PFA Pasir Putih bermula sejak 2005 melibatkan pembukaan kawasan dan pembinaan infrastruktur asas dengan anggaran keluasan 804 hektar. Sejak 2017 PFA Pasir Putih menjadi pengeluar utama eksport ternakan khinzir terutamanya ke pasaran Singapura.

Bahagian Sri Aman terletak di barat Sarawak dan merangkumi 4 daerah, iaitu Sri Aman, Lubok Antu, Pantu dan Lingga. Dengan keluasan 5,628 kilometer persegi, ia merupakan bahagian kedua yang diwartakan .

Pusat pentadbiran bahagian ini terletak di bandar Sri Aman, yang dahulunya dikenali sebagai Simanggang. Kawasan ini dihuni oleh masyarakat berbilang kaum seperti Iban, Melayu, Cina dan lain-lain dengan pertanian sebagai sektor ekonomi utama melibatkan tanaman seperti padi, kelapa sawit, lada dan getah. Sri Aman juga terkenal dengan tarikan pelancongan seperti Taman Negara Batang Ai, Fort Alice dan festival tahunan Pesta Benak di Batang Lupar.

Selain itu, ia mempunyai kemudahan asas yang lengkap serta dihubungkan dengan baik melalui jalan raya dari Kuching, menjadikan kawasan ini penting dari segi sejarah, budaya dan ekonomi di Sarawak.



*Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Batang Lupar adalah **agensi utama** yang menyelaras **pembangunan jelapang padi moden** di kawasan Batang Lupar, termasuk **Lingga dan Sri Aman**.*

SUMBANGAN NILAI JUALAN MENGIKUT SUBSEKTOR PERTANIAN

Paparan 36: Nilai Jualan Mengikut Subsektor Pertanian Bahagian Sri Aman, 2023

 BAHAGIAN SRI AMAN				
	Lingga	Lubok Antu	Pantu	Sri Aman
 Akuakultur (RM'000)	29.70	2,374.02	52.27	90.82
 Perhutanan & Pembalakan (RM'000)	-	5.85	13.79	5,027.89
 Perikanan (RM'000)	4,869.56	39.00	290.65	850.16
 Tanaman (RM'000)	29,507.00	223,809.08	39,654.85	714,230.50
 Ternakan (RM'000)	4,611.89	64.37	328.30	647.29

Bahagian Sri Aman telah menyumbang 4.4 peratus kepada pertanian Sarawak dengan nilai jualan hasil pertanian sebanyak RM1.03 bilion tahun 2023. Tanaman merupakan subsektor dominan bagi sektor pertanian Bahagian Sri Aman dengan sumbangan 98.1 peratus (RM1.01 bilion), diikuti Perikanan, 0.6 peratus (RM6.05 juta), Ternakan, 0.6 peratus (RM5.65 juta), Perhutanan dan Pembalakan, 0.5 peratus (RM5.05 juta) dan Akuakultur, 0.2 peratus (RM2.55 juta). Pecahan sumbangan mengikut daerah adalah seperti di Paparan 36.

SUBSEKTOR PERTANIAN TERPILIH

BAHAGIAN SRI AMAN ANTARA PENYUMBANG TERTINGGI JUALAN PADI DI SARAWAK

Bahagian Sri Aman penyumbang tertinggi nilai jualan subsektor tanaman Padi di Sarawak sebanyak RM2.1 juta dengan sumbangan 39.9 peratus kepada keseluruhan nilai jualan padi Sarawak tahun 2023. Walaupun bahagian Sri Aman penyumbang tertinggi jualan padi di Sarawak, namun tanaman ini hanya menyumbangkan sebanyak 0.2 peratus nilai jualan di Bahagian Sri Aman.

Sementara itu, nilai jualan tertinggi peringkat daerah dicatatkan oleh daerah Lingga sebanyak RM926.07 ribu atau 44.0 peratus, diikuti Sri Aman sebanyak RM849.08 ribu atau 40.4 peratus dan Lubok Antu sebanyak RM 233.94 ribu atau 11.1 peratus.

Dari segi kuantiti pengeluaran, daerah Lingga juga mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi dengan jumlah 1,421 tan metrik (44.2%), diikuti Sri Aman 1,053 tan metrik (32.8%) dan Lubok Antu 472 tan metrik (14.7%).

*Sri Aman menjadi lokasi utama **penanaman padi** di bawah PCDS 2030 dengan pembangunan 1,500 hektar tanah menerusi IADA Batang Lupar. Usaha ini adalah untuk menyokong sasaran meningkatkan hasil padi dan tahap sara diri beras Sarawak menjelang 2030.*



PERIKANAN SUBSEKTOR KEDUA TERPENTING DI BAHAGIAN SRI AMAN

Secara keseluruhan, pada tahun 2023, perikanan Bahagian Sri Aman mencatatkan nilai jualan sebanyak RM6.0 Juta dengan sumbangan 1.1 peratus kepada subsektor Perikanan Sarawak.

Daerah Lingga merekodkan nilai jualan tertinggi di bahagian ini sebanyak RM4.87 juta atau 80.5 peratus, diikuti Sri Aman sebanyak RM0.85 juta atau 14.1 peratus dan Pantu sebanyak RM 0.29 juta atau 4.8 peratus.

Sokongan agensi berkaitan seperti input bantuan teknikal dan kursus latihan kepada penduduk tempatan dan kemudahan seperti jalan penghubung, pusat pengumpulan hasil, dan akses kepada teknologi penternakan moden telah membantu merencanakan industri ini, selari dengan matlamat PCDS 2030 untuk membangunkan ekonomi luar bandar secara lestari.

Bahagian Betong terletak di barat Sarawak dan merangkumi empat daerah pentadbiran iaitu Betong, Saratok, Pusa dan Kabong. Dahulunya, kawasan ini berada di bawah Bahagian Sri Aman sebelum diisytiharkan sebagai pentadbiran bahagian baharu pada 26 Mac 2002 dengan keluasan 4,200 kilometer persegi.

Pusat pentadbiran bahagian ini terletak di daerah Betong dengan komposisi penduduk majoritinya terdiri daripada kaum Melayu, diikuti oleh Iban, Cina dan kumpulan etnik lain. Bahagian Betong merupakan antara kawasan pertanian terpenting di Sarawak dan penyumbang kepada ekonomi luar bandar.

Selain daripada tanaman kelapa sawit dan getah yang menjadi tanaman komoditi utama, bahagian Betong juga terkenal dengan penghasilan lada dan gula apong. Daerah Betong merupakan kawasan utama yang diusahakan secara meluas untuk tanaman lada, manakala daerah Pusa pula dikenali khusus sebagai pusat pengeluaran gula apong secara tradisional.



Kampung Tambak dan Buda kini menjadi tumpuan **pembangunan infrastruktur dan teknologi industri penghasilan gula apong**. **Projek Pembangunan Taman Agro Nipah** di Kampung Tambak, Pusa, bakal menyediakan infrastruktur seperti kilang pemprosesan serta pusat R&D gula apong.

SUMBANGAN NILAI JUALAN MENGIKUT SUBSEKTOR PERTANIAN

Paparan 37: Nilai Jualan Mengikut Subsektor Pertanian Bahagian Betong, 2023

		BAHAGIAN BETONG			
		Betong	Kabong	Pusa	Saratok
	Akuakultur (RM'000)	133.14	921.84	378.00	265.23
	Perhutanan & Pembalakan (RM'000)	13.72	-	-	2.07
	Perikanan (RM'000)	3,867.78	9,164.13	23,712.98	1,472.83
	Tanaman (RM'000)	539,426.85	89,406.21	84,654.86	233,043.08
	Ternakan (RM'000)	598.02	89.10	160.20	653.64

Bahagian Betong telah menyumbang 4.2 peratus kepada pertanian Sarawak dengan nilai jualan hasil pertanian sebanyak RM987.96 juta pada tahun 2023. Tanaman merupakan subsektor dominan bagi sektor pertanian di bahagian Betong dengan sumbangan 95.8 peratus (RM946.53 juta), diikuti Perikanan 3.9 peratus (RM38.22 juta), Akuakultur dan Ternakan masing-masing 0.2 peratus (RM1.70 juta dan RM1.50 juta). Manakala, subsektor Perhutanan & Pembalakan menyumbang paling rendah dengan nilai jualan RM15.79 ribu. Pecahan sumbangan mengikut daerah adalah seperti Paparan 37.

SUBSEKTOR PERTANIAN TERPILIH

KELAPA SAWIT PENYUMBANG UTAMA SEKTOR PERTANIAN BAHAGIAN BETONG

Seperti bahagian lain di Sarawak, tanaman kelapa sawit merupakan komoditi utama subsektor tanaman dan penyumbang tertinggi sektor pertanian bahagian Betong. Tanaman kelapa sawit merekodkan nilai jualan sebanyak RM760.85 juta dengan kuantiti pengeluaran 940.9 ribu tan metrik pada tahun 2023.

Daerah tertinggi penyumbang jualan buah tandan segar kelapa sawit bahagian Betong direkodkan di daerah Betong dengan nilai RM411.16 juta (54.0%), diikuti Saratok RM196.38 juta (25.8%). Manakala, kedua-dua daerah Kabong dan Pusa menyumbang 10.1 peratus dengan nilai jualan masing-masing sebanyak RM76.66 juta dan RM76.65 juta.

Dari aspek pengeluaran tan metrik buah tandan segar, daerah Betong merupakan pengeluar tertinggi dengan jumlah 502.5 ribu tan metrik diikuti Saratok 242.4 ribu tan metrik, Kabong 98.6 ribu tan metrik dan Pusa 97.4 ribu tan metrik.

CREAMY WHITE PEPPER DAN SIGNIFIKASI TERHADAP EKONOMI SEKTOR PERTANIAN SARAWAK

Tanaman lada merupakan penyumbang kedua terbesar komoditi subsektor tanaman di bahagian Betong selepas kelapa sawit. Aktiviti penanaman lada mencatatkan nilai jualan sebanyak RM91.66 juta, iaitu menyumbang sekitar 9.3 peratus daripada nilai jualan keseluruhan sektor pertanian di bahagian ini. Dari segi keluasan bertanam, daerah Betong berada di kedudukan ketiga tertinggi di Sarawak dengan 707.6 hektar kawasan bertanam dan 628.2 hektar kawasan bertuai.

Salah satu hasil produk tanaman lada yang popular adalah *Creamy White Pepper* yang merupakan antara produk pertanian bernilai tinggi yang menjadi tarikan utama di bahagian Betong. *Creamy White Pepper* hanya dihasilkan secara eksklusif di Sarawak dan daerah Betong merupakan antara pengeluar utama didorong oleh faktor muka bumi yang sesuai serta sumber air bukit semula jadi yang bersih dan jernih.



Creamy White Pepper, dikenali sebagai “lada premium Sarawak”, merupakan biji lada segar yang melalui proses rendaman dalam air bukit mengalir selama 7 hingga 14 hari menghasilkan lada berwarna putih krim dan beraroma tinggi.

Bahagian Sarikei terletak di tengah wilayah pesisir Negeri Sarawak dan merupakan antara bahagian pentadbiran yang memainkan peranan penting dalam pembangunan sektor pertanian negeri ini. Ia bersempadan dengan Bahagian Sibu, Betong dan Mukah serta mempunyai keluasan 4,337 kilometer persegi. Bahagian ini secara rasminya telah diwartakan sebagai bahagian pentadbiran yang keenam pada tahun 1973. Bahagian Sarikei merangkumi Daerah Sarikei, Maradong, Julau dan Pakan.

Pertanian merupakan tunjang penting kepada ekonomi tempatan di Bahagian Sarikei. Ini melibatkan pengeluaran kelapa sawit, lada, nanas, pelbagai jenis sayur-sayuran, buah-buahan tropika dan lain-lain.



Pekan Bintangor di Daerah Meradong yang digelar “**Bandar Limau**” merupakan salah satu kawasan utama **pengeluaran limau bali dan limau Bintangor di Sarawak**.

SUMBANGAN NILAI JUALAN MENGIKUT SUBSEKTOR PERTANIAN

Paparan 38: Nilai Jualan Mengikut Subsektor Pertanian Bahagian Sarikei, 2023

		BAHAGIAN SARIKEI			
		Julau	Maradong	Pakan	Sarikei
	Akuakultur (RM'000)	-	184.90	4.54	935.43
	Perhutanan & Pembalakan (RM'000)	-	2.88	1.07	1.35
	Perikanan (RM'000)	-	6,449.78	-	6,697.69
	Tanaman (RM'000)	175,462.53	107,609.28	207,638.62	193,663.21
	Ternakan (RM'000)	187.49	2,726.71	43.71	9,964.43

Bahagian Sarikei telah menyumbang sebanyak 3.0 peratus kepada keseluruhan sektor pertanian Sarawak dengan nilai jualan hasil pertanian sebanyak RM711.57 juta pada tahun 2023. Tanaman merupakan subsektor dominan dalam sektor pertanian Bahagian Sarikei dengan sumbangan sebanyak 96.2 peratus atau RM684.37 juta.

Ini diikuti oleh Perikanan sebanyak 1.8 peratus (RM13.15 juta), Ternakan sebanyak 1.8 peratus (RM12.92 juta), Manakala, subsektor Akuakultur dan Perhutanan & Pembalakan menyumbang kurang daripada satu peratus. Pecahan sumbangan mengikut daerah adalah seperti ditunjukkan dalam Paparan 38.

SUBSEKTOR PERTANIAN TERPILIH

KELAPA SAWIT TANAMAN DOMINAN DI BAHAGIAN SARIKEI

Tanaman kelapa sawit merupakan komoditi dominan subsektor tanaman di Bahagian Sarikei. Nilai jualan kelapa sawit direkodkan sebanyak RM383.27 juta, mewakili 2.1 peratus daripada keseluruhan nilai jualan negeri Sarawak tahun 2023. Aktiviti ini juga merupakan penyumbang utama dalam sektor pertanian di Bahagian Sarikei dengan sumbangan 53.9 peratus daripada keseluruhan sektor.

Dari aspek pengeluaran buah tandan segar di Bahagian Sarikei, Daerah Pakan direkodkan sebagai pengeluar tertinggi dengan jumlah 175.50 ribu tan metrik (36.4%), diikuti Sarikei 139.17 ribu tan metrik (28.9%), Meradong 88.91 ribu tan metrik (18.4%) dan Julau dengan 78.81 ribu (16.3%).

Pengeluaran buah tandan segar di Bahagian Sarikei disumbangkan oleh pegangan pertanian individu sebanyak 64.5 peratus, manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang sebanyak 35.5 peratus.



TANAMAN LADA KOMODITI PENTING DI BAHAGIAN SARIKEI

Tanaman lada merupakan komoditi penting di Bahagian Sarikei. Bahagian Sarikei menghasilkan nilai jualan lada sebanyak RM206.46 juta pada tahun 2023. Ini menyumbang sebanyak 29.0 peratus kepada nilai jualan pertanian di Bahagian Sarikei dan 28.3 peratus kepada keseluruhan nilai jualan lada di Sarawak.

Dari aspek pengeluaran lada di Bahagian Sarikei, Daerah Julau direkodkan sebagai pengeluar tertinggi dengan jumlah 5.13 juta kilogram (53.0%), diikuti Pakan 3.19 juta kilogram (32.9%), Sarikei 695.81 ribu kilogram (7.2%) dan Meradong 669.25 ribu kilogram (6.9%).



Penganjuran Pesta Lada Julau merupakan acara tahunan bagi Daerah Julau bagi mempromosikan Julau sebagai daerah pengeluar lada Sarawak yang utama di Malaysia.

Bahagian Kapit telah diisytiharkan bahagian ketujuh daripada dua belas bahagian di Sarawak pada 2 April 1973. Terletak di tengah Borneo, ia bersempadan dengan Kalimantan, Indonesia di selatan dan timur, Bahagian Miri dan Bintulu di utara dan Bahagian Sibu di barat. Bahagian Kapit merupakan bahagian terbesar di Sarawak dengan keluasan 38,689 kilometer persegi yang merangkumi daerah Kapit (3,973 km²), Song (3,665 km²), Belaga (16,126 km²) dan Bukit Mabong (14,925 km²).

Bahagian Kapit adalah kawasan tanah tinggi yang kebanyakannya (80.0%) dilitupi oleh hutan primer yang tebal. Kawasan bertanah rendah terdapat di kawasan Sungai Tunoh, Sungai Melinau, Sungai Tiau, Sungai Mujong, Nanga Merit dan Nanga Lajan.

Di peringkat pentadbiran, Bahagian Kapit diketuai oleh Residen manakala pentadbiran di peringkat daerah diketuai oleh pegawai daerah. Daerah Kapit merupakan pusat aktiviti ekonomi bagi daerah sekitarnya yang mana banyak aktiviti perniagaan dan perkhidmatan di sini.



Kubu Slyvia merupakan pusat pentadbiran awal Bahagian Kapit.

SUMBANGAN NILAI JUALAN MENGIKUT SUBSEKTOR PERTANIAN

Paparan 39: Nilai Jualan Mengikut Subsektor Pertanian Bahagian Kapit, 2023

		BAHAGIAN KAPIT			
		Belaga	Bukit Mabong	Kapit	Song
	Akuakultur (RM'000)	250.67	63.43	351.14	794.52
	Perhutanan & Pembalakan (RM'000)	86.24	0.11	3.88	51.89
	Perikanan (RM'000)	366.67	27.44	568.48	255.16
	Tanaman (RM'000)	857,473.03	5,328.09	232,294.66	45,053.23
	Ternakan (RM'000)	556.10	2.00	690.55	286.56

Bahagian Kapit telah menyumbang 4.8 peratus kepada pertanian Sarawak dengan nilai jualan hasil pertanian sebanyak RM1.14 bilion pada tahun 2023. Tanaman merupakan subsektor dominan dalam sektor pertanian Bahagian Kapit dengan menyumbang 99.6 peratus (RM1.14 bilion) manakala lain-lain subsektor masing-masing hanya menyumbang 0.1 peratus sahaja iaitu Ternakan (RM1.5 juta), Akuakultur (RM1.5 juta), Perikanan (RM1.2 juta) dan Perhutanan & Pembalakan (RM142 ribu). Pecahan nilai jualan mengikut daerah adalah seperti di Paparan 39.

SUBSEKTOR PERTANIAN TERPILIH

KELAPA SAWIT MERUPAKAN TANAMAN UTAMA BAHAGIAN KAPIT

Tanaman kelapa sawit merupakan tanaman utama untuk Bahagian Kapit dengan nilai jualan berjumlah RM1 bilion iaitu menyumbang 1.2 peratus daripada nilai keseluruhan jualan kelapa sawit di Sarawak pada tahun 2023. Aktiviti ini juga merupakan penyumbang utama iaitu 87.6 peratus daripada nilai keseluruhan sektor pertanian di Bahagian Kapit.

Sementara itu, Belaga mencatatkan nilai jualan tertinggi di peringkat daerah iaitu RM816.83 juta atau 81.5 peratus diikuti oleh Kapit sebanyak RM185.27 juta (18.5%). Daerah Bukit Mabong dan Song pula merekodkan sumbangan kurang daripada satu peratus dengan nilai jualan sebanyak RM259.93 ribu dan RM54.1 ribu masing-masing.

Dari aspek pengeluaran buah tandan segar, daerah Belaga juga merekodkan jumlah pengeluaran tertinggi iaitu 980.3 tan metrik (81.3%) diikuti Kapit dengan 225.6 tan metrik (18.7%) manakala Bukit Mabong dan Song menyumbang kurang daripada satu peratus iaitu 335 tan metrik dan 69 tan metrik masing-masing.

Buah Dabai atau nama saintifiknya *Canarium Odontophyllum* juga dikenali sebagai Sarawak Olive. Daerah Kapit dan Song merupakan antara daerah pengeluar buah dabai di Sarawak.



TERNAKAN SUBSEKTOR KEDUA TERTINGGI NILAI JUALAN BAHAGIAN KAPIT

Subsektor ternakan merekodkan nilai jualan kedua tertinggi di Bahagian Kapit. Walau bagaimanapun, jika dilihat dari segi sumbangan keseluruhan nilai jualan di Sarawak, jumlah tersebut hanya menyumbang 0.2 peratus (RM1.54 juta) pada tahun 2023.

Kapit merupakan daerah tertinggi yang mencatatkan nilai jualan ternakan iaitu RM690.55 ribu, menyumbang 45.0 peratus, diikuti Belaga dengan nilai jualan berjumlah RM556.10 ribu (36.2%), Song RM286.56 ribu (18.7%) manakala Bukit Mabong RM2,000 (0.1%).

Pembangunan kemudahan infrastruktur yang bertambah baik terutamanya jalan raya dan bekalan elektrik merupakan antara faktor yang merancakkan aktiviti pertanian di Bahagian Kapit.



Kapit merupakan penjana utama kuasa elektrik di Sarawak dengan tiga empangan hidroelektrik dibina di Kapit iaitu Empangan Bakun (2,400 Megawatt), Empangan Murum (944 Megawatt) dan Empangan Boleh (1,285 Megawatt).

Bahagian Sibu terletak di tengah Sarawak, merupakan bahagian ketiga daripada 12 bahagian pentadbiran di wilayah ini. Dengan keluasan sekitar 8,346 kilometer persegi, bahagian ini merangkumi tiga daerah iaitu Sibu, Kanowit, dan Selangau. Pusat pentadbirannya terletak di bandar Sibu. Kedudukan geografinya yang strategik di tebing Sungai Rajang menjadikan Sibu sebagai pintu masuk utama ke kawasan pedalaman Sarawak, terutamanya bagi komuniti di sepanjang sungai seperti Song, Kapit dan Belaga.


Berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020, majoriti penduduk di daerah Sibu merupakan masyarakat Cina sebanyak 48.7 peratus. Kelompok kedua terbesar pula adalah masyarakat Iban sebanyak 31.5 peratus. Antara etnik lain pula adalah termasuk Melayu, Melanau, Bidayuh, India dan lain-lain.



Kumpulan pertama peneroka dari Fuzhou, Fujian tiba di Sibu pada tahun 1901 dan menetap di kawasan Sungai Merah.

SUMBANGAN NILAI JUALAN MENGIKUT SUBSEKTOR PERTANIAN

Paparan 40: Nilai Jualan Mengikut Subsektor Pertanian Bahagian Sibu, 2023

		BAHAGIAN SIBU		
		Kanowit	Selangau	Sibu
	Akuakultur (RM'000)	258.73	53.89	2,086.13
	Perhutanan & Pembalakan (RM'000)	35.19	290.81	610,588.15
	Perikanan (RM'000)	446.84	792.70	9,312.38
	Tanaman (RM'000)	290,801.99	302,754.89	1,161,358.75
	Ternakan (RM'000)	151.41	487.17	183,918.21

Bahagian Sibu menyumbang 10.9 peratus kepada pertanian Sarawak dengan nilai jualan hasil pertanian sebanyak RM2.56 bilion pada tahun 2023. Tanaman merupakan subsektor dominan bagi sektor pertanian Bahagian Sibu dengan sumbangan 68.5 peratus (RM1.75 bilion), diikuti Perhutanan & Pembalakan, 23.8 peratus (RM610.91 juta); Ternakan, 7.2 peratus (RM184.56 juta), Perikanan 0.4 peratus (RM10.56 juta) dan Akuakultur, 0.1 peratus (RM2.40 juta). Pecahan sumbangan mengikut daerah adalah seperti di Paparan 40.

SUBSEKTOR PERTANIAN TERPILIH

KELAPA SAWIT TANAMAN DOMINAN BAHAGIAN SIBU

Tanaman kelapa sawit kekal sebagai komoditi dominan subsektor tanaman di Bahagian Sibu. Daerah Sibu, Kanowit dan Selangau secara keseluruhan telah merekodkan nilai jualan kelapa sawit sebanyak RM1.51 bilion, mewakili 8.1 peratus daripada keseluruhan nilai jualan negeri Sarawak tahun 2023. Kelapa sawit juga merupakan penyumbang utama (59.0 %) kepada sektor pertanian di Bahagian Sibu.

Dari aspek pengeluaran buah tandan segar, daerah Sibu direkodkan sebagai pengeluar tertinggi dengan jumlah 1.21 juta tan metrik (66.5%), diikuti Selangau 333.24 ribu tan metrik (18.3%) dan Kanowit dengan 276.80 ribu tan metrik (15.2%).



Pengeluaran buah tandan segar sebahagian besar disumbang oleh pegangan pertanian pertubuhan merangkumi 93.4 peratus manakala pegangan pertanian individu menyumbang 6.6 peratus.

PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN JANA EKONOMI BAHAGIAN SIBU

Industri pembalakan menyumbang secara signifikan terhadap ekonomi Sibu, khususnya melalui aktiviti pengeluaran dan pengeksportan kayu balak serta pemprosesan kayu hiliran. Pada tahun 2023, perhutanan dan pembalakan Bahagian Sibu mencatatkan sumbangan 40.2 peratus (RM610.91 juta) kepada subsektor perhutanan dan pembalakan Sarawak.

Nilai jualan sumbangan aktiviti pembalakan bagi penghasilan meter padu produk berasaskan kayu kayan direkodkan hampir 99.9 peratus. Manakala, aktiviti perhutanan bukan kayu turut menyumbang dengan peratusan kurang dari satu peratus kepada subsektor ini.

Dari segi pegangan pertanian, Bahagian Sibu memperlihatkan tumpuan yang lebih besar kepada pegangan pertubuhan. Keadaan ini memperlihatkan sinergi antara kemajuan teknologi, pembangunan infrastruktur dan ketersediaan tenaga kerja telah menjadi pemangkin utama kepada pertumbuhan positif subsektor ini.



Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.

Bahagian Mukah yang terletak di bahagian tengah negeri Sarawak merupakan bahagian kesepuluh yang telah diwartakan secara rasmi pada 1 Mac 2002. Dengan keluasan 6,997.6 kilometer persegi dan sebahagian besar kawasannya menghadap Laut China Selatan iaitu mengunjur sepanjang 200km. Bahagian Mukah pesat membangun dari segi pertanian, pendidikan dan industri.

Sosioekonomi bahagian Mukah yang banyak bergantung kepada aktiviti tradisional telah mengalami transformasi daripada sebuah perkampungan kecil berasaskan pertanian sagu dan perikanan, kepada kawasan penting dalam lanskap ekonomi Sarawak. Pertumbuhan ekonomi kini dipacu oleh industri perladangan kelapa sawit, perindustrian, tanaman rumbia dan perikanan yang merupakan warisan turun temurun komuniti setempat.

Di samping itu pembangunan infrastruktur seperti lapangan terbang baharu, jaringan jalan raya serta pembinaan jambatan bagi meningkatkan hubungan serta akses ke kawasan luar bandar. Bahagian Mukah juga menjadi tumpuan dalam meningkatkan pembangunan modal insan melalui penubuhan institusi pengajian tinggi.



Bahagian Mukah terletak dalam kawasan SCORE, yang mempunyai loji janakuasa arang batu untuk menyokong industri berat di wilayah tengah Sarawak.

SUMBANGAN NILAI JUALAN MENGIKUT SUBSEKTOR PERTANIAN

Paparan 41: Nilai Jualan Mengikut Subsektor Pertanian Bahagian Mukah, 2023

BAHAGIAN MUKAH					
	Dalat	Daro	Matu	Mukah	Tanjung Manis
 Akuakultur (RM'000)	125.86	5,054.83	18.71	350.27	6.00
 Perhutanan & Pembalakan (RM'000)	-	21.66	-	16.11	79.35
 Perikanan (RM'000)	20,970.62	76,038.91	23,733.89	25,711.74	28,658.13
 Tanaman (RM'000)	629,311.92	776,493.50	448,570.95	2,043,779.67	12,749.95
 Ternakan (RM'000)	182.69	214.57	169.18	5,598.43	98.17

Bahagian Mukah telah menyumbang 17.4 peratus kepada pertanian Sarawak dengan nilai jualan hasil pertanian sebanyak RM4.10 bilion pada tahun 2023. Tanaman merupakan subsektor dominan bagi sektor pertanian bahagian Mukah dengan sumbangan 95.4 peratus (RM3.91 bilion), diikuti Perikanan, 4.3 peratus (RM175.11 juta). Di samping itu, subsektor lain masing-masing menyumbang kurang dari 1 peratus iaitu Ternakan (RM6.26 juta), Akuakultur (RM5.56 juta) dan Perhutanan & Pembalakan (RM117.12 ribu). Pecahan sumbangan mengikut daerah adalah seperti di Paparan 41.

SUBSEKTOR PERTANIAN TERPILIH

KELAPA SAWIT TANAMAN UTAMA BAHAGIAN MUKAH

Tanaman kelapa sawit merupakan komoditi utama subsektor tanaman di bahagian Mukah. Daerah Mukah, Dalat, Daro, Matu dan Tanjung Manis secara keseluruhan telah merekodkan nilai jualan kelapa sawit sebanyak RM3.83 bilion, mewakili 20.6 peratus daripada keseluruhan nilai jualan negeri Sarawak tahun 2023.

Daerah Mukah mencatatkan nilai jualan tertinggi sebanyak RM2.01 bilion, diikuti Daro RM760.47 juta, Dalat RM613.58 juta, Matu RM434.79 juta dan Tanjung Manis RM6.51 juta.

Dari aspek pengeluaran buah tandan segar, daerah Mukah merupakan pengeluar tertinggi dengan jumlah 2.44 juta tan metrik (53.0%), diikuti Daro 907.78 ribu tan metrik (19.7%), Dalat 734.41 ribu tan metrik (15.9%), Matu 516.95 ribu tan metrik (11.2%) dan Tanjung Manis 7.87 ribu tan metrik (0.2%).

Mukah dikenali dengan tanaman rumbia atau Metroxylon sagu dan pada tahun 2023, bahagian Mukah menyumbang 95.7 peratus kepada nilai jualan rumbia Sarawak.



AKTIVITI PERIKANAN DISOKONG KETERSEDIAAN INFRASTRUKTUR KEPADA NELAYAN BAHAGIAN MUKAH

Aktiviti perikanan di bahagian Mukah telah berkembang pesat sejak sekian lama dan menjadi nadi penting kepada komuniti pesisir di bahagian tersebut. Pada tahun 2023, aktiviti perikanan bahagian Mukah menyumbang 33.1 peratus (RM175.11 juta) kepada keseluruhan nilai jualan subsektor perikanan di Sarawak.

Selari dengan nilai jualan, bahagian Mukah turut menyumbang secara signifikan kepada pengeluaran tangkapan perikanan Sarawak iaitu sebanyak 32.0 peratus (31.0 ribu tan metrik).

Sumbangan ketara aktiviti perikanan bahagian Mukah yang didominasi oleh pegangan pertanian individu, adalah atas faktor ketersediaan dari segi kemudahan pendaratan hasil laut, serta bantuan dan subsidi kepada nelayan, di samping faktor kedudukan geografi yang strategik.



Produk perikanan yang popular di bahagian Mukah adalah umai (hidangan ikan tradisional Melanau), keropok kering, dan sesar unjur.

Bahagian Bintulu merupakan salah satu bahagian pentadbiran yang penting di Sarawak. Terletak di utara Sarawak, bahagian Bintulu bersempadan dengan bahagian Miri, Sibuan, Mukah dan Kapit. Dengan keluasan 12,166 kilometer persegi, ia merupakan bahagian kesembilan yang diwartakan secara rasmi pada 1 Januari 1987.

Berasal dari sebuah perkampungan nelayan kecil, Bintulu antara daerah di dalam bahagian Bintulu telah melalui proses transformasi yang pesat susulan penemuan sumber petroleum dan gas asli di kawasan pesisirnya. Perkembangan pesat sektor tenaga ini telah meletakkan Bintulu sebagai pusat pertumbuhan perindustrian utama di Sarawak. Infrastruktur sokongan yang terus berkembang selaras dengan keperluan industri berat, logistik dan eksport berasaskan tenaga sekaligus memberi impak kepada daerah-daerah lain di bahagian Bintulu. Kedudukan strategik serta kekuatan asas ekonomi berasaskan tenaga menjadikan Bintulu antara nadi utama pertumbuhan ekonomi Sarawak.



Malaysia LNG Complex (MLNG) di Bintulu merupakan salah satu kompleks gas asli cecair (LNG) terbesar di dunia dan telah menjadikan Bintulu sebagai nadi tenaga Sarawak dan Malaysia sejak awal 1980-an.

SUMBANGAN NILAI JUALAN MENGIKUT SUBSEKTOR PERTANIAN

Paparan 42: Nilai Jualan Mengikut Subsektor Pertanian Bahagian Bintulu, 2023

		BAHAGIAN BINTULU		
		Bintulu	Tatau	Sebauh
	Akuakultur (RM'000)	649.75	11.34	4.75
	Perhutanan & Pembalakan (RM'000)	255,747.80	715.41	1.30
	Perikanan (RM'000)	2,139.52	45,888.28	138.35
	Tanaman (RM'000)	1,810,996.73	493,208.62	639,228.51
	Ternakan (RM'000)	13,095.69	9,029.27	4,905.52

Bahagian Bintulu telah menyumbang 13.9 peratus kepada pertanian Sarawak dengan nilai jualan hasil pertanian sebanyak RM3.28 bilion pada tahun 2023. Tanaman merupakan subsektor dominan bagi sektor pertanian bahagian Bintulu dengan sumbangan 89.9 peratus (RM2.94 bilion), diikuti perhutanan & pembalakan, 7.8 peratus (RM256.46 juta); perikanan, 1.5 peratus (RM48.17 juta); ternakan, 0.8 peratus (RM27.03 juta) dan akuakultur, 0.02 peratus (RM665.84 ribu). Pecahan sumbangan mengikut daerah adalah seperti di Paparan 42.

SUBSEKTOR PERTANIAN TERPILIH

KELAPA SAWIT TANAMAN DOMINAN BAHAGIAN BINTULU

Tanaman kelapa sawit kekal sebagai komoditi dominan subsektor tanaman di bahagian Bintulu. Daerah Bintulu, Tatau dan Sebauh secara keseluruhan telah merekodkan nilai jualan kelapa sawit sebanyak RM2.88 bilion, mewakili 15.4 peratus daripada keseluruhan nilai jualan negeri Sarawak tahun 2023. Aktiviti tanaman kelapa sawit ini juga merupakan penyumbang utama nilai jualan dalam sektor pertanian di bahagian Bintulu dengan catatan 87.8 peratus.

Dari aspek pengeluaran buah tandan segar, daerah Bintulu direkodkan sebagai pengeluar tertinggi dengan jumlah 2.15 juta tan metrik (61.8%), diikuti Sebauh 769.08 ribu tan metrik (22.2%) dan Tatau dengan 555.89 ribu tan metrik (16.0%).

*Pengeluaran buah tandan segar sebahagian besar disumbang oleh pegangan pertanian pertubuhan merangkumi **86.8 peratus** manakala pegangan pertanian individu menyumbang 13.2 peratus.*



PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN JANA EKONOMI BAHAGIAN BINTULU

Secara keseluruhan, pada tahun 2023, perhutanan dan pembalakan bahagian Bintulu mencatatkan sumbangan 16.9 peratus (RM256.46 juta) kepada subsektor perhutanan & pembalakan Sarawak.

Nilai jualan sumbangan aktiviti pembalakan bagi penghasilan meter padu produk berasaskan kayu kayan direkodkan hampir 99.9 peratus. Manakala, aktiviti perhutanan bukan kayu turut menyumbang dengan peratusan kurang dari satu peratus kepada subsektor ini.

Dari segi pegangan pertanian, bahagian Bintulu memperlihatkan tumpuan yang lebih besar kepada pegangan pertubuhan. Keadaan ini selaras dengan ketersediaan teknologi, infrastruktur, serta tenaga kerja yang lebih cekap, sekali gus menyokong pertumbuhan positif subsektor ini di kawasan berkenaan.



Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.

Bahagian Miri merupakan bahagian keempat diwartakan daripada 12 bahagian pentadbiran di negeri Sarawak. Terletak di bahagian utara Sarawak, Miri bersempadan dengan Brunei Darussalam di utara dan Bahagian Limbang, serta Bahagian Bintulu di selatan. Miri meliputi kawasan seluas lebih 26,781 kilometer persegi dan terdiri daripada lima daerah utama iaitu Miri, Marudi, Beluru, Subis, dan Telang Usan. Daerah Miri ialah pusat pentadbiran dan bandar kedua terbesar di Sarawak selepas Kuching.

Miri terkenal sebagai pusat industri minyak dan gas sejak penemuan telaga minyak pertama di Canada Hill pada tahun 1910. Selain sektor petroleum, Miri juga turut mempergiatkan sektor ekonominya dalam sektor pelancongan, perhutanan, pertanian dan perikanan. Kawasan pedalaman seperti Marudi dan Telang Usan menjadi penempatan utama bagi etnik seperti Orang Ulu, Iban, Kelabit, Penan dan etnik minoriti yang lain di mana masih mengekalkan gaya hidup tradisional serta bergantung kepada hasil hutan dan pertanian sara diri.

Miri turut kaya dengan khazanah alam semulajadi di mana terdapat taman negara utama seperti Taman Negara Gunung Mulu, Taman Negara Niah (Tapak Warisan Dunia UNESCO), Taman Negara Lambir dan Loagan Bunut, menjadikannya destinasi pelancongan alam semula jadi yang penting.



Gua Clearwater, Taman Negara Mulu adalah **gua sungai bawah tanah terpanjang** di Asia menempatkan sungai bawah tanah sepanjang 227 kilometer.

SUMBANGAN NILAI JUALAN MENGIKUT SUBSEKTOR PERTANIAN

Paparan 43: Nilai Jualan Mengikut Subsektor Pertanian Bahagian Miri, 2023

BAHAGIAN MIRI					
	Beluru	Marudi	Miri	Subis	Telang Usan
Akuakultur (RM'000)	22.54	-	7,510.20	327.76	598.45
Perhutanan & Pembalakan (RM'000)	42.01	-	394,304.16	1.20	144.00
Perikanan (RM'000)	148.49	629.41	5,571.44	47,833.16	148.33
Tanaman (RM'000)	1,083,707.17	445,501.45	1,538,183.39	1,585,316.05	123,352.90
Ternakan (RM'000)	161.44	144.31	8,495.05	3,883.90	45.99

Bahagian Miri telah menyumbang sebanyak 22.3 peratus kepada pertanian Sarawak dengan nilai jualan hasil pertanian sebanyak RM5.25 bilion pada tahun 2023. Tanaman merupakan subsektor yang mendominasi sektor pertanian di Bahagian Miri dengan sumbangan 91.0 peratus (RM4.78 bilion), diikuti oleh subsektor Perhutanan dan Pembalakan 7.5 peratus (RM394.49 juta), Perikanan 1.0 peratus (RM54.33 juta), Ternakan 0.2 peratus (RM12.73 juta) dan Akuakultur 0.2 peratus (RM8.46 juta). Pecahan sumbangan mengikut daerah adalah seperti di Paparan 43.

SUBSEKTOR PERTANIAN TERPILIH

KELAPA SAWIT TANAMAN DOMINAN DI BAHAGIAN MIRI

Kelapa sawit merupakan komoditi dominan subsektor tanaman di Bahagian Miri di mana secara keseluruhannya telah merekodkan nilai jualan sebanyak RM4.66 bilion pada tahun 2023 iaitu mewakili 88.9 peratus bagi Bahagian Miri dan 19.8 peratus daripada keseluruhan nilai jualan Sarawak.

Daerah utama yang terlibat dengan penanaman dan pengeluaran kelapa sawit ini adalah di Daerah Subis, Beluru, Marudi dan Miri. Sejak tahun 2010, kawasan penanaman kelapa sawit di bahagian Miri telah meningkat sehingga 40 peratus. Peningkatan ini didorong oleh galakan kerajaan negeri dan permintaan eksport minyak sawit yang tinggi serta aktiviti hiliran yang juga terdapat di bahagian ini.

Pengeluaran buah tandan segar di Bahagian Miri sebahagian besar disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan iaitu 80.9 peratus manakala pegangan pertanian individu menyumbang 19.1 peratus.



SUBSEKTOR PERHUTANAN & PEMBALAKAN PENYUMBANG KEPADA EKONOMI BAHAGIAN MIRI

Bahagian Miri merupakan antara penyumbang utama kayu balak dan produk berasaskan kayu seperti papan lapis, papan lapis venir dan papan lapis lapisan (LVL) kepada Sarawak. Hasil dapatan daripada Banci Pertanian 2024 (Tahun Rujukan 2023), Miri telah merekodkan nilai jualan sebanyak RM394.5 juta iaitu 26 peratus daripada keseluruhan nilai jualan Subsektor Perhutanan & Pembalakan Sarawak.

Aktiviti pengeluaran bagi pembalakan berasaskan kayu merekodkan 99.9 peratus daripada keseluruhan Subsektor Pembalakan & Perhutanan di bahagian Miri dan hanya kurang satu peratus adalah aktiviti perhutanan bukan kayu seperti memungut rotan, rebung, cendawan, midin, kelulut liar dan lain-lain lagi.



Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.

Bahagian Limbang merupakan bahagian kelima diwartakan pada tahun 1905 daripada 12 bahagian yang terdapat di negeri Sarawak. Ia terletak di bahagian utara negeri Sarawak dengan keluasan 7,655 kilometer persegi. Bahagian Limbang merangkumi dua buah daerah iaitu Limbang dan Lawas.

Ekonomi di Limbang banyak bergantung kepada sektor pertanian merangkumi tanaman, perikanan dan penternakan. Antara hasil pertanian utama ialah kelapa sawit dan buah-buahan. Aktiviti perikanan dan penternakan seperti ternakan kerbau/lembu, ayam dan babi juga menyumbang kepada ekonomi tempatan.

Selain itu, aktiviti pertanian di bahagian Limbang sering dikaitkan dengan penanaman padi tanah tinggi premium dan penternakan kerbau. Keunikan dari segi tradisi, persekitaran semula jadi dan potensi pembangunan menjadikannya antara sektor penting yang mendapat perhatian Kerajaan Negeri Sarawak. Inisiatif yang dilaksanakan bukan sahaja untuk memastikan keterjaminan makanan, malah mampu membantu pembangunan ekonomi luar bandar di bahagian Limbang.



Projek penanaman padi di bahagian Limbang yang melibatkan keluasan 1,500 hektar akan dimulakan dalam Rancangan Malaysia ke-13 (RMK13).

SUMBANGAN NILAI JUALAN MENGIKUT SUBSEKTOR PERTANIAN

Paparan 44: Nilai Jualan Mengikut Subsektor Pertanian Bahagian Limbang, 2023

		BAHAGIAN LIMBANG	
		Lawas	Limbang
	Akuakultur (RM'000)	480.83	423.43
	Perhutanan & Pembalakan (RM'000)	81.62	129.13
	Perikanan (RM'000)	33,539.87	17,282.29
	Tanaman (RM'000)	223,835.68	236,599.46
	Ternakan (RM'000)	10,864.38	6,446.37

Bahagian Limbang telah menyumbang 2.2 peratus kepada pertanian Sarawak dengan nilai jualan hasil pertanian sebanyak RM529.68 juta tahun 2023. Tanaman merupakan subsektor dominan bagi sektor pertanian bahagian Limbang dengan sumbangan 86.9 peratus (RM460.44 juta), diikuti Perikanan, 9.6 peratus (RM50.82 juta); Ternakan, 3.3 peratus (RM17.31 juta); Akuakultur, 0.2 peratus (RM904.26 ribu) serta Perhutanan & Pembalakan, 0.04 peratus (RM210.75 ribu). Pecahan sumbangan mengikut daerah adalah seperti di Paparan 44.

SUBSEKTOR PERTANIAN TERPILIH

POTENSI PENTERNAKAN KERBAU DI BAHAGIAN LIMBANG

Limbang dan Lawas merupakan kawasan yang terkenal dengan aktiviti penternakan kerbau. Ia merupakan aktiviti pertanian tradisional yang masih kekal relevan sehingga kini. Ternakan kerbau bukan sahaja untuk sumber daging, tetapi juga sebagai haiwan kerja di sawah dan ladang. Penternakan kerbau turut menyumbang kepada ekonomi luar bandar serta membantu memelihara warisan budaya masyarakat setempat.

Pada tahun 2023, bahagian Limbang telah mengeluarkan sebanyak 1,484 ekor kerbau, mewakili 96.6 peratus daripada jumlah pengeluaran kerbau di Sarawak. Sebanyak 1,298 ekor telah dijual dan menyumbang kepada hasil jualan sebanyak RM6.75 juta.

Lawas bakal menjadi pembekal keju kerbau utama di Sarawak. Hasilan tersebut akan dibekalkan ke pasaran tempatan dan juga untuk dieksport.



SUBSEKTOR PERIKANAN DAN AKUAKULTUR MEMBANTU JANA EKONOMI BAHAGIAN LIMBANG

Kegiatan ekonomi tradisional di bahagian Limbang ialah aktiviti perikanan iaitu menangkap, menjual dan memproses hasil lautan berikutan lokasi yang strategik. Pada tahun 2023, subsektor perikanan bahagian Limbang telah mencatatkan pengeluaran sebanyak 7.4 ribu tan metrik. Nilai jualan aktiviti perikanan adalah sebanyak RM50.82 juta dan menyumbang 9.6 peratus kepada nilai jualan aktiviti pertanian di bahagian Limbang.

Manakala untuk subsektor akuakultur, projek-projek ternakan akuakultur merangkumi ikan kolam dan sangkar di bahagian Limbang turut memberi manfaat kepada komuniti setempat. Dapatan bancian ini menunjukkan nilai jualan akuakultur daerah Lawas dan Limbang masing-masing bernilai RM480.83 ribu dan RM423.43 ribu. Antara spesis ikan yang banyak ditenak adalah ikan siakap dan tilapia.



Ikan tahai merupakan sejenis ikan kecil yang terdapat di kawasan utara Borneo. Ia amat terkenal dengan aroma salainya yang unik serta rasa yang lazat kerana diproses secara tradisional menggunakan kayu bakau.



SAMARAHAN: PENANAMAN UTAMA NENAS SARAWAK

10 OGOS 2024 | Pembancian kali ini bersama - sama pegawai banci di kawasan Samarahan. Samarahan memang terkenal dengan penanaman Nenas. Sekiranya ingin mencari nenas yang segar dan harga berpatutan datang sahaja ke Samarahan. Pembancian dilaksanakan dengan Persatuan Penanam Nenas Sg. Mata dan Penanam Nenas Ladang Merdeka. Kami didedahkan dengan teknik dan prosedur penanaman nenas. Antara yang dipelajari adalah dalam 1 ekar tanah, dianggarkan antara 15,000 hingga 17,000 pokok nenas boleh ditanam.

Baja akan diberikan untuk pokok nenas dalam lingkungan 1 - 3 bulan. Dalam lingkungan umur 2 - 4 bulan rumput akan diracun. Umur 6 bulan akan dibaja lagi. Umur 7 - 8 bulan akan diberikan hormon. Selepas diberi hormon buah akan boleh dipetik dalam tempoh 100 hari (bergantung kepada jenis nenas).

ASAJAYA: TANAMAN KELAPA WARISAN

10 OGOS 2024 | Daerah Asajaya memang terkenal dengan pertanian. Kali ini tumpuan banci pertanian di daerah ini adalah penanaman kebun kelapa.

Kelapa memang banyak ditanam di Asajaya. Ia merupakan tanaman warisan daripada keluarga penduduk di kampung ini. Pengurusan kebun kelapa ini juga diusahakan dengan cara tradisional. Kebanyakan kebun kelapa di kawasan ini telah melebihi usia 25 tahun. Oleh itu, penduduk di sini hanya akan menunggu kelapa tua yang jatuh untuk dikumpulkan dan dijual.

Dahulu kelapa tua di kampung ini akan disalai untuk dijual kepada pembuat minyak kelapa, tetapi kini proses ini telah tidak dijalankan lagi dan kelapa tua hanya dijadikan santan kelapa.



BAU: AGROPELANCONGAN BURUNG WALIT

15 OGOS 2024 | Daerah Bau adalah salah satu daerah dalam Bahagian Kuching. Fokus pertanian pada kali ini adalah berkaitan aktiviti agropelancongan di kampung Merembah, Bau. Kampung ini telah dinobatkan sebagai pemenang Desa Lestari Malaysia.

Keistimewaan kampung ini adalah mereka mempunyai kawasan agropelancongan yang berbentuk pencarian sarang burung walit secara semulajadi di gua Posih. Disamping itu, rumah pemprosesan burung walit juga sedang dibina yang dijadikan tempat pemprosesan dan penjualan sarang burung walit. Pemprosesan sarang burung walit memerlukan kesabaran dan kepakaran. Upah untuk memproses 400 gm sarang burung ini boleh mencecah sehingga RM80.00 di kampung ini.


Kampung ini juga mempunyai projek penternakan lembu pedaging yang masih dalam proses pembinaan. Penternakan ini menggunakan kaedah fidlot.

SERIAN: EMPURAU ANTARA IKAN TERMAHAL DI MALAYSIA

17 OGOS 2024 | Pada kali ini topik tumpuan pertanian adalah di Daerah Serian. Tumpuan pada kali ini adalah berkaitan penternakan ikan empurau yang merupakan antara ikan termahal di Malaysia. Ikan empurau, terkenal dengan rasa dan tekstur dagingnya yang lazat, biasanya ditemui di sungai besar dan hutan hujan tropika Sarawak.

Harga ikan empurau adalah bergantung kepada faktor saiz, lokasi dan musim. Harga seekor ikan empurau boleh melebihi RM1300 bagi ikan bersaiz 1.5 kg bagi harga penternak, manakala harga pasaran di restoran boleh mencapai RM1000 per kg. Menternak ikan empurau memerlukan pengetahuan mendalam tentang keperluan biologi dan pengurusan akuakultur ikan ini. Ia memerlukan komitmen dan pengetahuan yang mendalam dan ia boleh menjadi usaha yang menguntungkan dan berdaya saing di pasaran domestik dan luar negara.





MALUDAM, PUSA: TANGKAPAN DAN PEMROSESAN OBOR-OBOR



23 OGOS 2024 | Fokus pertanian pada kali ini adalah kepada rutin seorang nelayan di kampung Seberang Maludam yang menangkap obor-obor. Obor-obor di kawasan ini, yang berukuran kecil hingga sederhana dan berwarna jernih hingga coklat, mempunyai bentuk menyerupai payung dengan tentakel panjang. Mereka juga memiliki kemampuan bioluminesensi, memancarkan cahaya dalam air untuk menarik mangsa atau menghindari pemangsa.

Bagi nelayan di kampung Seberang Maludam, obor-obor adalah sumber rezeki lumayan. Pada musim obor-obor, beliau boleh menangkap hingga 600 kg sehari. Walaupun obor-obor sentiasa ada di perairan Maludam, hasil tangkapan meningkat pada musimnya.



TKPM INISIATIF KERAJAAN MENINGKAT PENGELUARAN MAKANAN

29 OGOS 2024 | Pada kali ini topik pertanian yang ingin dikongsikan bersama adalah berkaitan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Mungkin ada yang tidak mengetahui dengan begitu mendalam berkaitan satu lagi inisiatif kerajaan ini. Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) adalah inisiatif kerajaan Malaysia untuk meningkatkan pengeluaran makanan dengan mewujudkan zon pengeluaran tanaman kekal. Tujuannya adalah mengoptimalkan penggunaan tanah untuk tanaman berkualiti tinggi. TKPM lebih tertumpu kepada tanaman jangka pendek seperti sayur-sayuran, golden melon, terung, daun bawang dan lain-lain. TKPM Kuching adalah TKPM terbesar di Sarawak dengan keluasan 248 hektar dan melibatkan 93 peserta. Di TKPM Rampangi, peserta menggunakan sistem fertigasi Smart Farming dan Internet of Things (IoT), sementara TKPM lain menggunakan sistem penanaman konvensional. Setiap peserta di Rampangi diberikan 4 unit Sistem Pelindung Hujan (SPH) bersaiz 60 x 100 kaki, dengan kapasiti 1000 hingga 1200 polibeg. Walaupun TKPM meningkatkan keterjaminan makanan di Sarawak, ia menghadapi cabaran seperti kos pembangunan dan penyelenggaraan yang tinggi.



PUSA: PEMBUATAN GULA APONG TRADISIONAL

22 OGOS 2024 | Daerah Pusa merupakan sebuah daerah di Bahagian Betong yang terkenal dengan sektor pertaniannya. Daerah ini khususnya dikenali untuk penghasilan gula apong yang dihasilkan dari pokok nipah atau apong (*Nypa fruticans*). Pokok apong, sejenis palma yang tumbuh di kawasan paya dan tepi sungai tropika adalah sumber utama bagi gula apong yang terkenal di kampung Tambak, Pusa. Gula apong memberikan pulangan lumayan kepada pengusaha di Daerah Pusa, walaupun ia masih dianggap sebagai perusahaan kecil-kecilan. Selari dengan kualiti gula apong di daerah ini, permintaan untuk gula apong daripada daerah Pusa adalah tinggi, tetapi setiap hari pengusaha hanya dapat menghasilkan sekitar 10kg dengan harga pasaran RM12 sekilogram. Pengusaha berinteraksi dengan pokok apong dua kali sehari: pada petang untuk mencantas dan memasang buluh bagi mengumpulkan air nira, dan pada dini hari untuk mengumpulkan nira yang terhasil. Pekerjaan ini perlu dilakukan setiap hari untuk memastikan tangkai bunga jantan pokok apong tidak mati, berbeza dengan hidupan lain yang boleh mati jika dicantas.



KUCHING: PENANAMAN GOLDEN MELON, TKPM

27 OGOS 2024 | Pembancian kali ini di Daerah Kuching memfokuskan penanaman golden melon di Tanaman Kekal Pertanian Malaysia (TKPM) Rampangi. Golden melon, varieti tembikai dengan kulit kuning keemasan dan rasa manis, semakin popular di Sarawak. Penanaman ini menarik minat petani kerana permintaan pasaran tempatan yang tinggi dan usaha mempelbagaikan pertanian di wilayah tersebut.

Penanaman golden melon di Rampangi Kuching menggunakan struktur pelindung hujan dan jejaring (SPH) serta teknologi *Internet of Things* (IoT) untuk membaja, menyiram, dan menyembur racun. Kawasan penanaman dilengkapi dengan CCTV untuk memantau pekerja dan risiko kecurian. Golden melon memerlukan 75 hari dari penanaman benih hingga buah boleh dipetik. Benih import dari Thailand, dengan 1000 biji berharga RM650. Setiap pokok, yang ditanam dalam satu polibeg, hanya menghasilkan satu buah. Buah yang kurang berkualiti dicantas untuk memastikan yang terpilih adalah gred A dengan berat sekitar 1kg, proses ini dilakukan pada usia pokok 38 hari.



JADUAL STATISTIK

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Jadual 1.0: Pegangan Pertanian mengikut Negeri, Malaysia, 2023
Table 1.0: Agriculture Holding by State, Malaysia, 2023

Negeri State	Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agriculture Holding	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Malaysia	1,008,829	97.94	21,191	2.06	1,030,020	100.00
Johor	102,460	96.63	3,578	3.37	106,038	100.00
Kedah	123,194	99.01	1,237	0.99	124,431	100.00
Kelantan	87,203	99.50	442	0.50	87,645	100.00
Melaka	13,022	94.20	802	5.80	13,824	100.00
Negeri Sembilan	44,082	97.03	1,347	2.97	45,429	100.00
Pahang	87,482	97.18	2,543	2.82	90,025	100.00
Pulau Pinang	15,491	93.07	1,154	6.93	16,645	100.00
Perak	104,878	97.58	2,596	2.42	107,474	100.00
Perlis	18,839	99.31	131	0.69	18,970	100.00
Selangor	35,474	95.57	1,643	4.43	37,117	100.00
Terengganu	72,367	99.06	684	0.94	73,051	100.00
Sabah	156,635	98.35	2,624	1.65	159,259	100.00
Sarawak	145,378	98.62	2,036	1.38	147,414	100.00
W.P. Kuala Lumpur	1,426	81.21	330	18.79	1,756	100.00
W.P. Labuan	732	95.56	34	4.44	766	100.00
W.P. Putrajaya	166	94.32	10	5.68	176	100.00

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

*** Nota:**

- 1. Analisa pada 28 Mei 2025**
- 2. Negeri merujuk lokasi pegangan pertanian**

*** Notes:**

- 1. Analysis as at 28 May 2025**
- 2. State refer to the location where the agricultural holder reside**

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian mengikut Bahagian, Sarawak, 2023

Table 1.1: Agriculture Holding by Division, Sarawak, 2023

Bahagian Division	Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agriculture Holding	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Sarawak	145,378	98.62	2,036	1.38	147,414	100.00
Betong	18,388	99.76	45	0.24	18,433	100.00
Betong	12,362	99.88	15	0.12	12,377	100.00
Saratok	2,592	99.69	8	0.31	2,600	100.00
Pusa	990	98.90	11	1.10	1,001	100.00
Kabong	2,444	99.55	11	0.45	2,455	100.00
Bintulu	5,154	96.63	180	3.37	5,334	100.00
Bintulu	2,636	94.48	154	5.52	2,790	100.00
Tatau	1,549	99.68	5	0.32	1,554	100.00
Sebauh	969	97.88	21	2.12	990	100.00
Kapit	6,758	99.81	13	0.19	6,771	100.00
Kapit	3,376	99.73	9	0.27	3,385	100.00
Song	1,077	99.91	1	0.09	1,078	100.00
Belaga	1,941	99.85	3	0.15	1,944	100.00
Bukit Mabong	364	100.00	-	-	364	100.00
Kuching	12,936	96.94	408	3.06	13,344	100.00
Kuching	7,262	96.52	262	3.48	7,524	100.00
Bau	2,698	98.32	46	1.68	2,744	100.00
Lundu	2,976	96.75	100	3.25	3,076	100.00
Limbang	10,041	99.73	27	0.27	10,068	100.00
Limbang	6,667	99.82	12	0.18	6,679	100.00
Lawas	3,374	99.56	15	0.44	3,389	100.00
Miri	15,872	97.01	489	2.99	16,361	100.00
Miri	6,328	94.11	396	5.89	6,724	100.00
Marudi	823	99.64	3	0.36	826	100.00
Subis	4,526	98.37	75	1.63	4,601	100.00
Beluru	3,426	99.62	13	0.38	3,439	100.00
Telang Usan	769	99.74	2	0.26	771	100.00
Mukah	5,904	98.96	62	1.04	5,966	100.00
Daro	1,321	99.55	6	0.45	1,327	100.00
Dalat	979	99.90	1	0.10	980	100.00
Mukah	2,174	97.66	52	2.34	2,226	100.00
Matu	941	99.79	2	0.21	943	100.00
Tanjung Manis	489	99.80	1	0.20	490	100.00

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian mengikut Bahagian, Sarawak, 2023 (samb.)
Table 1.1: Agriculture Holding by Division, Sarawak, 2023 (cont'd.)

Bahagian Division	Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agriculture Holding	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Samarahan	13,769	99.21	109	0.79	13,878	100.00
Samarahan	7,901	99.25	60	0.75	7,961	100.00
Simunjan	1,953	99.09	18	0.91	1,971	100.00
Asajaya	1,648	98.15	31	1.85	1,679	100.00
Gedong	943	100.00	-	-	943	100.00
Sebuyau	1,324	100.00	-	-	1,324	100.00
Sarikei	16,530	99.23	129	0.77	16,659	100.00
Sarikei	8,259	98.78	102	1.22	8,361	100.00
Maradong	1,366	98.56	20	1.44	1,386	100.00
Julau	3,717	99.89	4	0.11	3,721	100.00
Pakan	3,188	99.91	3	0.09	3,191	100.00
Serian	11,995	99.03	118	0.97	12,113	100.00
Serian	6,284	98.37	104	1.63	6,388	100.00
Tebedu	4,471	99.84	7	0.16	4,478	100.00
Siburan	1,240	99.44	7	0.56	1,247	100.00
Sibu	9,717	95.91	414	4.09	10,131	100.00
Sibu	5,187	93.01	390	6.99	5,577	100.00
Kanowit	2,527	99.45	14	0.55	2,541	100.00
Selangau	2,003	99.50	10	0.50	2,013	100.00
Sri Aman	18,314	99.77	42	0.23	18,356	100.00
Sri Aman	10,479	99.69	33	0.31	10,512	100.00
Lubok Antu	5,379	99.89	6	0.11	5,385	100.00
Pantu	1,593	100.00	-	-	1,593	100.00
Lingga	863	99.65	3	0.35	866	100.00

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

*** Nota:**

- Analisa pada 28 Mei 2025
- Negeri, bahagian dan daerah pentadbiran merujuk lokasi pegangan pertanian

*** Notes:**

- Analysis as at 28 May 2025
- State, division and administrative district refer to the location where the agricultural holder reside

Jadual 2.0: Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Malaysia, 2023

Table 2.0: Agriculture Holding by Subsector, Malaysia, 2023

Subsektor Subsector		Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agriculture Holding	
		Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Tanaman Crops	Kelapa Sawit Oil Palm	236,241	96.01	9,806	3.99	246,047	100.00
	Padi Paddy	125,976	99.87	170	0.13	126,146	100.00
	Getah Rubber	387,124	99.92	309	0.08	387,433	100.00
	Nanas Pineapple	7,752	96.18	308	3.82	8,060	100.00
	Kenaf Kenaf	862	99.54	4	0.46	866	100.00
	Lada Pepper	32,191	99.97	10	0.03	32,201	100.00
	Koko Cocoa	4,147	99.62	16	0.38	4,163	100.00
	Buah-Buahan Fruits	87,731	97.36	2,375	2.64	90,106	100.00
	Sayur-Sayuran Vegetables	44,422	94.35	2,658	5.65	47,080	100.00
	Tanaman Lain Other Crops	38,801	96.65	1,344	3.35	40,145	100.00
Ternakan Livestocks		43,816	93.66	2,965	6.34	46,781	100.00
Perikanan Fisheries	Perikanan Tangkapan Captured Fisheries	48,267	99.18	399	0.82	48,666	100.00
	Akuakultur Aquaculture	8,407	81.79	1,872	18.21	10,279	100.00
Perhutanan & Pembalakan Forestry & Logging		7,930	93.69	534	6.31	8,464	100.00

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

*** Nota:**

1. Analisa pada 28 Mei 2025

2. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.

3. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sarawak dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.

4. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunapakai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sarawak dan Jabatan Hutan Sarawak.

*** Notes:**

1. Analysis as at 28 May 2025

2. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.

3. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sarawak Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.

4. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sarawak Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.1: Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Sarawak, 2023
Table 2.1: Agriculture Holding by Subsector, Sarawak, 2023

Subsektor Subsector		Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agriculture Holding	
		Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Tanaman Crops	Kelapa Sawit Oil Palm	47,940	97.06	1,454	2.94	49,394	100.00
	Padi Paddy	14,388	99.96	6	0.04	14,394	100.00
	Getah Rubber	42,891	99.98	10	0.02	42,901	100.00
	Nanas Pineapple	2,331	99.02	23	0.98	2,354	100.00
	Lada Pepper	31,715	100.00	1	0.00	31,716	100.00
	Koko Cocoa	1,141	99.65	4	0.35	1,145	100.00
	Buah-Buahan Fruits	9,484	99.10	86	0.90	9,570	100.00
	Sayur-Sayuran Vegetables	6,848	98.26	121	1.74	6,969	100.00
	Tanaman Lain Other Crops	5,847	99.14	51	0.86	5,898	100.00
Ternakan Livestocks		2,058	91.34	195	8.66	2,253	100.00
Perikanan Fisheries	Perikanan Tangkapan Captured Fisheries	4,465	99.64	16	0.36	4,481	100.00
	Akuakultur Aquaculture	540	88.52	70	11.48	610	100.00
Perhutanan & Pembalakan Forestry & Logging		362	75.89	115	24.11	477	100.00

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

*** Nota:**

1. Analisa pada 28 Mei 2025

2. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.

3. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sarawak dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.

4. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunapakai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sarawak dan Jabatan Hutan Sarawak.

*** Notes:**

1. Analysis as at 28 May 2025

2. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.

3. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sarawak Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.

4. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sarawak Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.2: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Kewarganegaraan, Sarawak, 2023
Table 2.2: Individual Agriculture Holding by Subsector and Citizenship, Sarawak, 2023

Subsektor <i>Subsector</i>		Warganegara <i>Malaysian</i>		Bukan Warganegara <i>Non Malaysian</i>	
		Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Tanaman <i>Crops</i>	Kelapa Sawit <i>Oil Palm</i>	47,925	99.97	15	0.03
	Padi <i>Paddy</i>	14,370	99.87	18	0.13
	Getah <i>Rubber</i>	42,886	99.99	5	0.01
	Nanas <i>Pineapple</i>	2,328	99.87	3	0.13
	Lada <i>Pepper</i>	31,714	100.00	1	0.00
	Koko <i>Cocoa</i>	1,141	100.00	-	-
	Buah-Buahan <i>Fruits</i>	9,465	99.80	19	0.20
	Sayur-Sayuran <i>Vegetables</i>	6,807	99.40	41	0.60
	Tanaman Lain <i>Other Crops</i>	5,832	99.74	15	0.26
Ternakan <i>Livestocks</i>		2,057	99.95	1	0.05
Perikanan <i>Fisheries</i>	Perikanan Tangkapan <i>Captured Fisheries</i>	4,460	99.89	5	0.11
	Akuakultur <i>Aquaculture</i>	540	100.00	-	-
Perhutanan & Pembalakan <i>Forestry & Logging</i>		362	100.00	-	-

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

*** Nota:**

- Analisa pada 28 Mei 2025
- Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
- Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sarawak dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.
- Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunapakai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sarawak dan Jabatan Hutan Sarawak.

*** Notes:**

- Analysis as at 28 May 2025
- Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.
- Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sarawak Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.
- Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sarawak Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.3: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Jantina, Sarawak, 2023

Table 2.3: Individual Agriculture Holding by Subsector and Sex, Sarawak, 2023

Subsektor <i>Subsector</i>		Lelaki <i>Male</i>		Perempuan <i>Female</i>	
		Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Tanaman <i>Crops</i>	Kelapa Sawit <i>Oil Palm</i>	41,853	87.30	6,087	12.70
	Padi <i>Paddy</i>	14,075	97.82	313	2.18
	Getah <i>Rubber</i>	25,993	60.60	16,898	39.40
	Nanas <i>Pineapple</i>	2,080	89.23	251	10.77
	Lada <i>Pepper</i>	26,859	84.69	4,856	15.31
	Koko <i>Cocoa</i>	880	77.13	261	22.87
	Buah-Buahan <i>Fruits</i>	9,011	95.01	473	4.99
	Sayur-Sayuran <i>Vegetables</i>	6,365	92.95	483	7.05
	Tanaman Lain <i>Other Crops</i>	5,408	92.49	439	7.51
Ternakan <i>Livestocks</i>		1,963	95.38	95	4.62
Perikanan <i>Fisheries</i>	Perikanan Tangkapan <i>Captured Fisheries</i>	4,396	98.45	69	1.55
	Akuakultur <i>Aquaculture</i>	536	99.26	4	0.74
Perhutanan & Pembalakan <i>Forestry & Logging</i>		344	95.03	18	4.97

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

*** Nota:**

1. Analisa pada 28 Mei 2025

2. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.

3. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sarawak dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.

4. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunapakai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sarawak dan Jabatan Hutan Sarawak.

*** Notes:**

1. Analysis as at 28 May 2025

2. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.

3. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sarawak Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.

4. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sarawak Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.4: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Kumpulan Umur, Sarawak, 2023

Table 2.4: Individual Agriculture Holding by Subsector and Age Group, Sarawak, 2023

Subsektor Subsector	15 – 30 tahun 15 – 30 years		31 – 45 tahun 31 – 45 years		46 – 59 tahun 46 – 59 years		60 tahun dan ke atas 60 years and above		Tiada Maklumat Unknown	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage
Tanaman Crops	Kelapa Sawit Oil Palm	1,003	2.09	8,594	17.93	18,790	39.19	19,553	40.79	-
	Padi Paddy	153	1.06	1,619	11.25	5,731	39.83	6,885	47.85	-
	Getah Rubber	1,537	3.58	7,600	17.72	14,524	33.86	19,228	44.83	2
	Nanas Pineapple	10	0.43	167	7.16	1,169	50.15	985	42.26	-
	Lada Pepper	629	1.98	4,460	14.06	11,836	37.32	14,790	46.63	-
	Koko Cocoa	7	0.61	98	8.59	420	36.81	616	53.99	-
	Buah-Buahan Fruits	79	0.83	1,031	10.87	3,506	36.97	4,868	51.33	-
	Sayur-Sayuran Vegetables	94	1.37	951	13.89	2,589	37.81	3,214	46.93	-
	Tanaman Lain Other Crops	42	0.72	639	10.93	2,139	36.58	3,027	51.77	-
		24	1.17	267	12.97	756	36.73	1,011	49.13	-
Teranakan Livestocks	Perikanan Fisheries	101	2.26	968	21.68	1,958	43.85	1,438	32.21	-
		6	1.11	53	9.81	222	41.11	259	47.96	-
Perhutanan & Pembalakan Forestry & Logging	Akuakultur Aquaculture	8	2.21	84	23.20	131	36.19	139	38.40	-

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

* Nota:

1. Analisa pada 28 Mei 2025

2. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.

3. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sarawak dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.

4. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sarawak dan Jabatan Hutan Sarawak.

* Notes:

1. Analysis as at 28 May 2025

2. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.

3. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sarawak Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.

4. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sarawak Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.5: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Kumpulan Etnik, Sarawak, 2023
Table 2.5: Individual Agriculture Holding by Subsector and Ethnic Group, Sarawak, 2023

Subsektor Subsector	Bumiputera Bumiputera		Cina Chinese		India Indian		Lain-lain Others		
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	
Tanaman Crops	Kelapa Sawit Oil Palm	46,120	96.23	1,778	3.71	14	0.03	13	0.03
	Padi Paddy	14,168	98.59	188	1.31	6	0.04	8	0.06
	Getah Rubber	42,253	98.52	625	1.46	5	0.01	3	0.01
	Nanas Pineapple	2,202	94.59	122	5.24	1	0.04	3	0.13
	Lada Pepper	30,967	97.64	729	2.30	3	0.01	15	0.05
	Koko Cocoa	1,083	94.92	54	4.73	2	0.18	2	0.18
	Buah-Buahan Fruits	8,613	91.00	838	8.85	4	0.04	10	0.11
	Sayur-Sayuran Vegetables	6,055	88.95	739	10.86	-	-	13	0.19
	Tanaman Lain Other Crops	5,547	95.11	279	4.78	-	-	6	0.10
		1,862	90.52	192	9.33	1	0.05	2	0.10
Ternakan Livestocks									
Perikanan Fisheries	Perikanan Tangkapan Captured Fisheries	4,411	98.90	44	0.99	-	-	5	0.11
	Akuakultur Aquaculture	502	92.96	36	6.67	2	0.37	-	-
Perhutanan & Pembalakan Forestry & Logging									
		353	97.51	8	2.21	-	-	1	0.28

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

* Nota:
1. Analisa pada 28 Mei 2025
2. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
3. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakaularas/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sarawak dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.
4. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sarawak dan Jabatan Hutan Sarawak.

* Notes:
1. Analysis as at 28 May 2025
2. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.
3. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sarawak Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.
4. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sarawak Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.6: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Taraf Perkahwinan, Sarawak, 2023
Table 2.6: Individual Agriculture Holding by Subsector and Marital Status, Sarawak, 2023

